



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

K@MPOI

Kedah Academic Master Plan of Intervention

Tasawwur Islam



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Tinta Harapan dan Penghargaan



Haji Rozaini bin Ahmad
Pengarah Pendidikan
Negeri Kedah

~Kebersamaan Memacu
Pendidikan Kedah~

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarokatuh dan salam 'Kebersamaan Memacu Pendidikan Kedah'.

Setinggi-tinggi kesyukuran dizahirkan kepada Allah Yang Maha Agung atas limpahan kasih sayang-Nya, **Modul K@MPol** atau **Kedah Academic Master Plan of Intervention** yang melibatkan tujuh belas mata pelajaran utama di negeri Kedah dapat direalisasikan. Pujangga ada menyatakan 'bukan mudah, hendak mudah', namun hasrat saya terhadap warga pendidikan di negeri Kedah adalah 'Kebersamaan Memacu Pendidikan Kedah' merupakan langkah awal melakar sesebuah kejayaan.

Penghasilan **Modul K@MPol** adalah melibatkan kerjasama semua sektor utama JPN Kedah dan diterajui oleh Sektor Pembelajaran, JPN Kedah. Gabungan idea yang padu pegawai meja mata pelajaran, pegawai-pegawai di PPD dan guru-guru pakar yang merupakan jurulatih negeri membantu menggarap idea dalam merealisasikan penghasilan bahan yang bermutu ini. Selain itu, **Modul K@MPol** juga merupakan sebahagian wadah pendidikan dalam memastikan kemenjadian murid-murid secara holistik dapat diterjemahkan dalam pendidikan sebenar. Oleh itu, besarlah harapan saya **Modul K@MPol** ini menjadi bahan pilihan yang diguna pakai oleh guru-guru.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan jutaan terima kasih saya kalamkan kepada semua pihak terutamanya Sektor Pembelajaran, Sektor Pendidikan Islam, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, PPD serta pihak yang terlibat secara langsung. Semoga usaha murni ini dapat menjadi satu inspirasi kepada semua guru dan murid di negeri Kedah dalam memastikan kemenjadian dalam kurikulum.

Akhir kata dari saya, bersama-samalah kita memohon keberkatan dan kekuatan daripada Allah SWT semoga kejayaan menjadi milik kita kerana persiapan terbaik untuk esok adalah melakukan yang terbaik untuk hari ini.

Sekian, terima kasih.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Tinta Harapan dan Penghargaan



Haji Ahmad Shukri bin Shafie
Timbalan Pengarah Pendidikan
(Pembelajaran)
Negeri Kedah

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarokatuh dan salam sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan rahmat-Nya Sektor Pembelajaran, JPN Kedah berjaya mengemudikan penghasilan **Modul K@MPol** untuk memastikan kecemerlangan murid SPM. Penghasilan Modul **K@MPol** ini adalah selari dengan KSSM pada masa ini dan menepati item Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Modul K@MPol merupakan buah tangan kepada guru-guru dan murid-murid di negeri Kedah dalam usaha memastikan lakaran kejayaan SPM yang cemerlang dapat dicapai. Modul ini merupakan sebahagian usaha yang dilaksanakan dalam memastikan kemenjadian murid. Format Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang baharu merupakan satu penanda aras yang dihasratkan dapat membentuk kualiti dan membuka *horizon* pemikiran dalam pendidikan anak-anak generasi kini. Guru-guru serta anak-anak sekalian, letakkan harapan setinggi gunung, andai jatuh kita masih berada antara ribuan bintang.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan jutaan terima kasih saya kalamkan kepada semua pihak terutamanya guru-guru jurulatih utama mata pelajaran yang terlibat dalam penghasilan **Modul K@MPol**. Usaha yang berterusan ini diharapkan menjadi garapan terbaik buat bekalan anak-anak didik kita dalam peperiksaan SPM nanti. Usaha dan tawakal pastinya langkah awal menyelusuri kejayaan.

Akhir kata dari saya, bersama-samalah kita memohon hidayah daripada Allah SWT semoga lakaran kejayaan dalam bidang kurikulum terutamanya SPM menjadi milik kita.

Sekian, terima kasih.

~Kebersamaan Memacu
Pendidikan Kedah~

TASAWWUR ISLAM TINGKATAN 4

KANDUNGAN

TEMA 1 : ISLAM SEBAGAI AD-DIN

- PELAJARAN 1 Islam Adalah Cara Hidup
- PELAJARAN 2 Akidah Menurut Islam
- PELAJARAN 3 Ibadah Menurut Islam
- PELAJARAN 4 Akhlak Menurut Islam
- PELAJARAN 5 Prinsip Pandangan Hidup Islam

TEMA 2 : MANUSIA SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH SWT

- PELAJARAN 6 Fitrah Kejadian Insan
- PELAJARAN 7 Tanggungjawab Sebagai Hamba dan Khalifah Allah SWT
- PELAJARAN 8 Peranan Wahyu dan Akal

TEMA 3 : SISTEM SOSIAL ISLAM

- PELAJARAN 9 Asas Sistem Sosial Islam
- PELAJARAN 10 Sistem Kekeluargaan Menurut Islam
- PELAJARAN 11 Prinsip Pergaulan Menurut Islam
- PELAJARAN 12 Hiburan Menurut Islam
- PELAJARAN 13 Kesenian Menurut Islam

TEMA 1 : ISLAM SEBAGAI AL-DIN
PELAJARAN 1 : ISLAM SEBAGAI CARA HIDUP

Islam sebagai al –Din Islam adalah cara hidup yang lengkap merangkumi akidah, ibadah dan akhlak.
 Islam **Bahasa:**Sejahtera,selamat dan penyerahan
Istilah :Taat dan patuh kepada perintah Allah SWT ,meninggalkan larangannya ,beroleh kesejahteraan dan keselamatan apabila berserah kepadanya.

Iman Bahasa : Yakin dan percaya
 Istillah : Membenarkan dengan hati,berikrar dengan lisan dan beramal dengan anggota badan terhadap segala perintah dan suruhannya.

Ihsan Bahasa : Berbuat kebaikan
 Istillah : Kesungguhan dalam memikirkan sesuatu ibadah dan pekerjaan semata-mata kerana Allah.

Rukun Islam	Rukun Iman
<ul style="list-style-type: none"> • mengucap dua kalimah Syahadah • Solat fardhu lima waktu • Mengeluarkan zakat • Berpuasa bulan Ramadhan • Mengerjakan haji 	<ul style="list-style-type: none"> • Beriman kpd Allah • Beriman kpd malaikat • Beriman kpd kitab • Beriman kpd rasul • Beriman kpd hari akhirat • Beriman kpd Qada dan qadar

Contoh aplikasi Ihsan dalam kehidupan
 1-Belas Kasihan kepada binatang
 2-Buat baik kerana Allah dengan yakin segala amalan dilihat oleh Allah
 3-Melakukan ibadah dan pekerjaan dengan bersungguh-sungguh kerana Allah

Tindakan utk menjadikan Islam sebagai cara hidup
 1-Baca,menghayati dan mengamalkan al-quran.
 2-Menjadikan Rasulullah sebagai contoh/Qudwah yang baik.
 3-Menghayati sirah perjuangan para sahabat dan salafussoleh.
 4-Menghayati dan melaksanakan rukun iman dan Islam.

Kepentingan Rukun Islam, Rukun Iman dan Ihsan
Rukun Islam:
 Asas ketaatan kepada ajaran Islam
Rukun Iman:
 Iman merupakan syarat amalan diterima Allah
Ihsan:
 Mengajar manusia untuk berbuat baik kepada manusia dan makhluk lain.

**PELAJARAN 1 : ISLAM SEBAGAI CARA HIDUP
BAHAGIAN A**

Soalan 1 hingga soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

1. Islam sebagai _____ ialah Islam adalah cara hidup yang lengkap dan diredhai Allah SWT.
2. Ihsan terhasil daripada gabungan sifat _____ serta perasaan takut dan tunduk kepada Allah SWT.
3. Kita perlu mendalami ilmu asas Islam yang terdiri daripada _____, syariah dan akhlak
4. Zakat yang wajib dikeluarkan ialah zakat fitrah dan zakat _____.


Soalan 5 hingga soalan 8

Tulis istilah yang betul dengan pernyataan berikut dalam ruangan kosong yang disediakan

5. Golongan umat Islam generasi terdahulu yang hidup dalam kurun pertama hingga kurun ketiga hijrah.
6. Sesuatu yang berlaku kepada makhluk Allah SWT semasa hidupnya.
7. Kesungguhan dalam melakukan sesuatu ibadah dan pekerjaan semata-mata kerana Allah SWT.
8. Asas atau prinsip yang mendasari sesuatu

Soalan 9 hingga soalan 10

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul



9 . P ialah _____

10. Q ialah _____

Soalan 11 hingga 12

Lengkapkan rajah di bawah berkaitan Kepentingan Rukun Islam

KEPENTINGAN RUKUN ISLAM
Asas ketaatan kepada ajaran Islam
R
S

11. R ialah : _____

12. S ialah : _____

Soalan 13 hingga soalan 16

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul
tandakan (X) pada pernyataan yang salah

13. Mengamalkan Islam sebagai Ad-din menjamin kesejahteraan di dunia dan di akhirat

14. Keimanan kepada malaikat menjadi asas kepada rukun iman yang lain.

15. Mengamalkan tuntutan Rukun Iman, Rukun Islam dan Ihsan akan menyebabkan umat Islam mundur

16. Penyembahan terhadap kuasa semangat atau berhala hanya mendatangkan kebinasaan kepada manusia

BAHAGIAN B

1 a. Firman Allah SWT :
Ertinya : “Aku tidak menciptakan jin dan manusia kecuali supaya mereka menyembah-Ku” (Surah al-Dzariyat : ayat 56)

i. Apakah maksud ibadah umum?

[2markah]

ii. Terangkan **dua** konsep ibadah dalam Islam .

[4markah]

iii. Senaraikan **empat** ibadah wajib yang perlu dilaksanakan dalam kehidupan

[4markah]

b. i. Ibadah wajib diamalkan dan dihayati dalam kehidupan.
Jelaskan **dua** cara untuk meningkatkan kualiti ibadah.

[4 markah]

TEMA 1 : ISLAM SEBAGAI AL-DIN

PELAJARAN 2 : AKIDAH MENURUT ISLAM

Akidah ialah keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat-sifat kesempurnaan-Nya berdasarkan dalil naqli dan aqli.

1. Ketuhanan (Ilahiyyah)

- Nama-nama Allah SWT
- Sifat-sifat Allah SWT
- Perbuatan (Af'al) Allah SWT

2. Kenabian dan Kerasulan (Nubuwwah)

- **Sifat-sifat wajib Rasul**
 - Bohong (al-Kizb), pecah amanah (al-Khianat), menyembunyikan (al-Kitman) dan bodoh (al-Baladah)

Konsep Akidah

- **Kitab**
 - Zabur (Nabi Daud AS), Taurat (Nabi Musa AS), Injil (Nabi Isa AS) dan al-Quran (Nabi Muhammad SAW).
- **Tujuan perutusan rasul**
 - Menyeru manusia mentauhidkan dan menyembah Allah SWT.
 - Mengajar manusia cara beribadat yang betul.
 - Menunjukkan cara hidup yang benar dan lengkap.

3. Perkara-perkara ghaib (Ghaibiyah)

- Perkara yang tidak dapat dilihat dan tersembunyi serta tidak nampak pada pandangan mata kasar.
- Hanya diketahui oleh manusia melalui wahyu iaitu al-Quran dan al-Sunnah yang sahih.
- Manusia wajib percaya dan yakin akan kewujudan perkara ghaib yang dikhabarkan oleh para nabi dan rasul.

Contoh: malaikat, iblis, jin, syaitan, barzakh, hari kiamat, mahsyar, hisab, sirat dan syurga.

Pegangan Akidah yang benar

- Berasaskan tauhid.
- Bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah.
- Berlandaskan ilmu, iman dan amal.
- Berpegang dengan dalil naqli dan aqli.

Amalan yang amat berkaitan dengan pegangan akidah dalam Islam

- Berdoa kepada Allah SWT.
- Berzikir mengingati Allah SWT.
- Bertawakal (berserah kepada Allah SWT).
- Bertaubat.

Kepentingan pelaksanaan amalan akidah mengikut syarak

- Syarat utama amalan diterima oleh Allah SWT.
- Benteng daripada perkara syirik, khurafat dan bidaah.
- Tunjang kekuatan umat Islam.
- Beroleh rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT.

Amalan sebagai pembuktian akidah yang benar

- Memohon perlindungan hanya kepada Allah SWT.
- Bersyukur apabila beroleh kejayaan dalam kehidupan.
- Sentiasa ikhlas dalam amalan.
- Menjauhi fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam.

**PELAJARAN 2 : AKIDAH MENURUT ISLAM
BAHAGIAN A**

Soalan 1 hingga soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan:

- 1 Allah SWT memiliki _____ nama-nama yang indah dan mulia.
- 2 Tahap iman manusia boleh bertambah dan _____.
- 3 Salah satu daripada kitab- kitab Allah SWT yang wajib kita ketahui ialah - _____.
- 4 Tujuan perutusan ialah mengajar manusia cara _____ yang betul.


Soalan 5 hingga soalan 8

Tulis istilah yang betul dengan pernyataan berikut dalam ruangan kosong yang disediakan.

- 5 Lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu kepadanya dan tidak diperintahkan menyampaikannya kepada orang lain.
- 6 Dalil yang lahir daripada akal yang sejahtera.
- 7 Menilai dan melihat kekurangan diri sendiri.
- 8 Perkara yang tidak dapat dilihat dan tersembunyi serta tidak nampak pada pandangan mata kasar.

Soalan 9 hingga soalan 10

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul



9. P ialah _____
10. Q ialah _____

Soalan 11-12 adalah berdasarkan soalan di bawah.

Sifat Wajib bagi Rasul
As-sidiq
R
At -tabligh
S

11 R ialah _____

12 S ialah _____

Soalan 13 hingga soalan 16

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul dan tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- 13 Rasul ialah lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu dan tidak diperintahkan menyampaikannya kepada orang lain.
- 14 Mujahadah ialah berusaha bersungguh-sungguh melawan nafsu.
- 15 Tujuan perutusan ialah menyeru manusia mentauhidkan dan menyembah Allah SWT.
- 16 Dalil naqli ialah dalil yang bersumberkan nas al-Quran dan al-Sunnah.

BAHAGIAN B

1 a i Nyatakan maksud akidah. [2markah]

ii Jelaskan konsep akidah di bawah. [2markah]
a. Ketuhanan(ilahiyyah)

b. Kerasulan (nubuwwah) [2 markah]

b i Nyatakan dua pengangan akidah yang benar yang kamu ketahui. [4 markah]

ii Jelaskan dua kepentingan amalan akidah yang menepati hukum syarak. [4 markah]

c i Manusia wajib percaya dan yakin akan kewujudan perkara ghaib yang dikhabarkan oleh para nabi dan rasul. Nyatakan dua perkara ghaib tersebut. [2 markah]

ii Huraikan akibat sekiranya terdapat umat islam yang menolak dua perkara ghaib di atas. [4 markah]

TEMA 1 : ISLAM SEBAGAI AL-DIN
PELAJARAN 3 : IBADAH MENURUT ISLAM

1.3.1 Konsep Ibadah Dalam Islam

Maksud Ibadah Pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati yang ikhlas semata – mata kepadaNya yang berlandaskan syariat Allah SWT.

- Konsep Ibadah**
- Keikhlasan menjadi asas penerimaan ibadah disisi Alah SWT
 - Kewajipan menuruti perintah yang disyariatkan dan tidak mengada-adakan ibadah
 - Tujuan hidup manusia adalah untuk beribadah kepada Allah
 - Ibadah melibatkan segala kegiatan manusia dari segi rohani dan jasmani
- ❖ Hubungan akidah dan ibadah sangat erat
 - ❖ Akidah merupakan ikatan hati dan perasaan manusia kepada Allah SWT

Pembahagian Ibadah

Ibadah Khusus

▪Semua amalan khusus yang disyariatkan oleh Allah SWT sama ada fardhu atau sunat.

Fardhu Ain :
- Solat Fardhu
Sunat :
- Solat sunat
Fardhu Kifayah :
- Solat jenazah
- Menguruskan jenazah

Ibadah Umum

▪Semua amalan yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi menghubungkan manusia dalam sesebuah masyarakat demi kebaikan dan keharmonian hidup bersama.

Fardhu Ain :
- Bekerja
Sunat :
- Membuang benda yang bahaya di jalan
Fardhu Kifayah :
- Membuat penyelidikan
- Bekerja sebagai doktor

Fardhu Ain - Kewajipan individu atau suatu amalan yang dituntut secara tegas oleh syarak ke atas setiap mukallaf.
 - Pengamalannya mendapat pahala dan pengabaianya tanpa uzur syari'e mendapat dosa.

Fardhu Kifayah - Kewajipan secara kolektif yang merujuk kepada suatu amalan yang dituntut oleh syarak ke atas seluruh kaum muslimin secara umum untuk mengerjakannya. Apabila sebahagian daripada mereka melaksanakannya, maka sebahagian yang lain terlepas daripada kewajipan tersebut.

Dua syarat ibadah :

1) Ikhlas

- Ibadah dilakukan hanya kerana Allah SWT semata – mata dan mengharapkan keredhaanNya

2) Ittiba' as – Sunnah (Mengikut Sunnah)

- Ibadah dilakukan sebagaimana yang disyariatkan oleh Allah SWT dan RasulNya

1.3.2 Amalan Yang Berkaitan Dengan Ibadah

- | | |
|---------------|--|
| Solat fardhu | - Amalan pertama yang akan dihisab
- Kewajipan yang tidak boleh ditinggalkan walaupun dalam keadaan sakit atau darurat |
| Solat jenazah | - Solat jenazah mempunyai tujuh rukun iaitu niat, berdiri bagi yang mampu, bertakbir empat kali, membaca surah al-Fatihah, membaca selawat, doa kepada jenazah dan memberi salam |
| Penyelidikan | - Melakukan penyelidikan dan inovasi yang mendatangkan manfaat kepada masyarakat |

1.3.3 Kepentingan Ibadah Menurut Islam

- | | |
|---------|---|
| Solat | - Meneguhkan hubungan manusia dengan Allah SWT |
| Puasa | - Mendidik hawa nafsu
- Merasai kesusahan orang miskin |
| Bekerja | - Hidup mulia dan tidak membebankan orang lain |
- Cara Meningkatkan Kualiti Ibadah**
- 1) Sentiasa mengingati Allah SWT Ketika melakukan pekerjaan
 - 2) Meningkatkan ilmu pengetahuan tentang ibadah khusus dan umum
 - 3) Memahami hikmah di sebalik kewajipan sesuatu ibadah

**PELAJARAN 3 : IBADAH MENURUT ISLAM
BAHAGIAN A**

Soalan 1 hingga soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan:

1. Orang yang berhak menerima zakat

2. Ibadah yang dilakukan hanya kerana Allah SWT semata – mata dan mengharapkan keredhaanNya

3. Pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati yang ikhlas semata-mata KepadaNya yang berlandaskan syariat Allah SWT.

4. Semua amalan khusus yang disyariatkan oleh Allah SWT sama ada fardhu atau sunat


Soalan 5 hingga soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

5. Hubungan _____ dan ibadah adalah sangat erat.
6. Perintah _____ merupakan satu proses belajar.
7. Zakat terbahagi kepada zakat fitrah dan _____.
8. Di antara cara meningkatkan kualiti ibadah ialah berdamping dengan orang _____ dan berilmu.

Soalan 9 hingga soalan 10

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul



9. X ialah _____
10. Y ialah _____

Soalan 11-15 adalah berdasarkan soalan di bawah.

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul dan tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- | | |
|---|--------------------------|
| 11. Amalan ibadah yang pertama akan dihisab ialah lafaz syahadah. | <input type="checkbox"/> |
| 12. Solat jenazah terdiri daripada enam rukun | <input type="checkbox"/> |
| 13. Bekerja merupakan contoh fardhu kifayah dalam ibadah umum. | <input type="checkbox"/> |
| 14. Lapan golongan asnaf yang wajib terima zakat. | <input type="checkbox"/> |
| 15. Puasa dapat merehatkan sistem pencernaan manusia. | <input type="checkbox"/> |

BAHAGIAN B

- 1 a. Firman Allah SWT :

Ertinya : “Aku tidak menciptakan jin dan manusia kecuali supaya mereka menyembah-Ku” (Surah al-Dzariyat : ayat 56)

- i. Apakah maksud ibadah umum? [2markah]

- ii. Terangkan **dua** konsep ibadah dalam Islam . [4markah]

- iii. Senaraikan **empat** ibadah wajib yang perlu dilaksanakan dalam kehidupan [4markah]

TEMA 1 : ISLAM SEBAGAI AL-DIN
PELAJARAN 4 : AKHLAK MENURUT ISLAM

Maksud Akhlak Sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong sesuatu perbuatan dan perlakuan tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam.

Ciri-Ciri Akhlak Menurut Islam

- ✓ Bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.
- ✓ Berlandaskan fitrah kejadian manusia.
- ✓ Tetap dan tidak berubah sepanjang zaman.
- ✓ Meliputi semua aspek kehidupan.

Pembahagian Akhlak		
◆Akhlak Mahmudah Akhlak terpuji yang bersumberkan wahyu al Quran dan al Sunnah.		◆Akhlak Mazmumah Akhlak terkeji yang yang dilarang oleh bersumberkan al Quran dan al Sunnah daripada diamalkan.
Contoh:		Contoh:
Akhlak dengan Allah SWT	-reda -bersyukur	-putus asa -kufur
Akhlak dengan manusia	-menghormati orang lain -amanah	-memandang hina orang lain -khianat
Akhlak dengan alam	-menjaga kebersihan -memelihara alam sekitar	-pengotor -mencemarkan alam sekitar
<p>Proses Penyucian Jiwa</p> <p>Mengosongkan jiwa daripada sifat buruk</p> <p style="text-align: center;">↓</p> <p>Bermatlamat mencari keredaan Allah SWT</p> <p style="text-align: center;">↓</p> <p>Menghiasi jiwa dengan sifat terpuji</p> <p style="text-align: center;">↓</p> <p>Mengindahkan pekerti melalui kelakuan lahiriah</p>		
Amalan Berkaitan Akhlak		
Penyabar	Pemaaf	Pemurah
<p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sewaktu Rasulullah SAW berdakwah di Taif, baginda dicemuh, diejek dan dibaling batu. - Malaikat Jibrail meminta kebenaran baginda untuk menghempap mereka dengan dua gunung tetapi Rasulullah SAW menolak dan sebaliknya mendoakan penduduk Taif. 	<p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Rasulullah SAW memaafkan musyrikin Mekah setelah berjaya membuka Kota Mekah. 	<p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Baginda seorang yang amat pemurah dan lebih pemurah lagi apabila menjelang bulan Ramadan. - Sifat pemurah Rasulullah SAW mencapai peringkat <i>Itsar</i> iaitu mengutamakan orang lain berbanding dirinya.

Kepentingan Akhlak Menurut Islam			
Individu	Keluarga	Masyarakat	Negara
<ul style="list-style-type: none"> ● Membina jati diri yang baik mengikut al-Quran dan al-Sunnah. ● Melahirkan individu yang bertakwa. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Membentuk sebuah keluarga bahagia. ● Saling bertolak- ansur dan bantu membantu. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Melahirkan masyarakat yang harmoni. ● Meneguhkan perpaduan masyarakat. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Membina negara sejahtera dan dirahmati Allah SWT. ● Meningkatkan imej negara.
<ul style="list-style-type: none"> - Islam amat menekankan pembinaan akhlak, selari dengan tujuan Nabi Muhammad SAW dilantik sebagai Rasul. - Akhlak terpuji akan mewujudkan suasana aman dan ruang memperbaiki potensi manusia serta menambah produktiviti. 			

Cara Memupuk Akhlak Mulia :

- Mentaati perintah Allah SWT dan Rasul-Nya.
- Mencontohi dan meneladani Rasulullah SAW yang berpekerti mulia.
- Sentiasa berdoa memohon dihiasi akhlak mulia.
- Mujahadah (jihad) dalam memperbaiki diri.
- Sentiasa bermuhasabah diri.
- Bersabar dan istiqamah dalam berakhlak mulia.

Pengamalan Akhlak Islam			
Hormat – menghormati : <ul style="list-style-type: none"> ◆ Saling menghormati sesama rakan tanpa mengira bangsa dan agama. ◆ Memuliakan tetamu tanpa mengira kedudukan. 	Prihatin : <ul style="list-style-type: none"> ◆ Bersimpati dengan penderitaan orang lain. ◆ Sentiasa ada usaha dan inisiatif membantu. 	Tolong – menolong : <ul style="list-style-type: none"> ◆ Suka menghulurkan bantuan seperti membantu rakan yang berada dalam kesusahan. ◆ Cepat membantu apabila orang lain memerlukan pertolongan. 	Kasih sayang : <ul style="list-style-type: none"> ◆ Mengeratkan silaturahim dan merapatkan ukhuwah sesama manusia. ◆ Mengelakkan pergaduhan dan permusuhan.

PELAJARAN 4 : AKHLAK MENURUT ISLAM BAHAGIAN A

Soalan 1 hingga 6

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan:

1. Rasulullah SAW diutuskan kepada manusia untuk menyempurnakan _____ yang baik.
2. Akhlak terpuji akan mewujudkan suasana aman dan memberi ruang _____ potensi manusia serta menambah produktiviti.
3. Kepentingan akhlak menurut Islam ialah membina _____ yang baik mengikut al-Quran dan al-Sunnah.
4. Cara memupuk akhlak mulia adalah dengan bersabar dan _____ dalam berakhlak mulia.
5. Proses penyucian jiwa mengindahkan pekerti melalui kelakuan _____.
6. Islam menggalakkan amalan _____ kepada golongan fakir miskin.

Soalan 7 hingga soalan 9

Tulis istilah yang betul dengan pernyataan berikut dalam ruangan kosong yang disediakan.

7. Sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong sesuatu perbuatan dan perlakuan tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam.
8. Akhlak terkeji yang dilarang oleh al-Quran dan al-Hadis daripada diamalkan.
9. Akhlak terpuji bersumberkan wahyu al-Quran dan al-Hadis.

Soalan 10 hingga 13

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah

- 10. Cara memupuk akhlak mulia adalah dengan sentiasa bermujahadah memperbaiki diri.
- 11. Sifat pemurah Nabi Muhammad mencapai peringkat *itsar* iaitu mengutamakan diri baginda berbanding orang lain.
- 12. Bertaqwa kepada Allah menjadi kayu ukur kemuliaan seseorang hamba di sisi Nya.
- 13. Kita hendaklah memuliakan tetamu berdasarkan pangkat dan kedudukan mereka.

Soalan 14 hingga 15

Lengkapkan jadual berikut berkaitan dengan Prinsip Pandangan Hidup Islam.

Pembahagian akhlak	Contoh Akhlak Mahmudah	Contoh Akhlak Mazmumah
Akhlak dengan Allah SWT	Bersyukur	P
Akhlak dengan alam	Q	Mencemarkan alam sekitar

- 14. P ialah _____
- 15. Q ialah _____

BAHAGIAN B

- 1 a. i. Nyatakan maksud akhlak. [2markah]

- ii. Terangkan dua ciri-ciri akhlak menurut Islam. [4markah]

- iii. Jelaskan dua amalan yang boleh dilakukan sebagai gambaran akhlak Islam sebagaimana yang dituntut dalam syariat. [4markah]

- b. i. Nyatakan dua cara memupuk akhlak mulia dalam kalangan pelajar hari ini. [4 markah]

144 ponteng kena cekup

Operasi khas Jom Ke Sekolah kesan pelajar lepak di kafe siber

Oleh Harli Effendi Saad

KUALA LUMPUR: Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan berhadapan 144 pelajar sekolah, kebanyakannya dari sekolah Peta dan Keramat dalam satu operasi khas yang berlangsung semalam petang, pagi semalam.

Operasi yang dijalankan di Pusat Bilik Ekstra Pelajar (Peta) dan Keramat Semarak, berikutan operasi yang dijalankan 'Jom Ke Sekolah' yang berlangsung sejak tiga tahun lalu bertujuan memulihara ponteng sekolah yang semakin meningkat di bandar raya ini.

144 Peta dan Keramat pelajar yang ditangkap berikutan operasi dijalankan semalam Jom Ke Sekolah melibatkan sebanyak 120 pelajar dari sekolah di Keramat Kerata dan Peta, kebanyakannya pelajar sekolah menengah di Peta dan Keramat yang pergi ke kafe.

Operasi yang dijalankan hari ini melibatkan beribu-ribu orang pelajar yang ditangkap dalam operasi memulihara disiplin di kalangan pelajar menengah di bandar raya ini.

Operasi yang dijalankan hari ini melibatkan beribu-ribu orang pelajar yang ditangkap dalam operasi memulihara disiplin di kalangan pelajar menengah di bandar raya ini.

"Ini bagi pelajar yang datang ke kafe siber dan lepak-lepak di kafe siber."



LANGKAH DISIPLIN: Operasi yang dijalankan memulihara disiplin di kalangan pelajar menengah di bandar raya ini.

yang ke pusat operasi untuk diberikan pengajaran mengenai masalah moral anak mereka. Kita tahu semua itu bagi mereka kerana semua ini adalah operasi yang dijalankan untuk memulihara disiplin di kalangan pelajar menengah di bandar raya ini.

FAKTA NOMBOR

144 pelajar ditangkap

22 di Peta

120 di Keramat

"Kebanyakan pelajar yang ditangkap ini adalah pelajar yang datang ke kafe siber dan lepak-lepak di kafe siber."

- ii. Apakah kategori akhlak daripada keratan akhbar di atas? [1 markah]

- iii. Bincangkan punca kepada permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang terjebak dengan gejala tersebut. [5 markah]

TEMA 1: ISLAM SEBAGAI AL-DIN

PELAJARAN 5: : PRINSIP PANDANGAN HIDUP ISLAM

Pengertian Rabbaniyyah	Huraian Ketuhanan = Segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT.
Syumuliyah	Lengkap = Agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan di dunia dan akhirat.
'Alamiyyah	Sarwajagat = Islam adalah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.
Waqi'iyah	Realiti = Islam ialah agama praktikal, mampu diamalkan oleh semua golongan manusia.
Thabat & Murunnah	Thabat (tetap dan teguh) = perkara yang tetap (qat'iyy) tidak boleh diubah dasar, prinsip serta pelaksanaannya menurut Islam. Murunnah (luwes atau anjal) = boleh diubah mengikut kesesuaian namun masih tetap pada prinsip asasnya.

Ciri-ciri Prinsip Pandangan Hidup Islam		
Rabbaniyyah	Syumuliyah	'Alamiyyah
<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Islam = Agama yang diwahyukan oleh Allah SWT. <input type="checkbox"/> Islam dan seluruh makhluk merupakan hak milik Allah SWT. <input type="checkbox"/> Islam adalah satu pegangan yang jitu dan bersih daripada kekurangan, kejahilan dan dorongan hawa nafsu. <input type="checkbox"/> Allah SWT adalah pemberi peraturan hidup. 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Kesempurnaan hanya milik Allah SWT. <input type="checkbox"/> Islam tidak terikat dengan masa, tempat dan ruang tertentu. <input type="checkbox"/> Manusia dibekalkan dengan akal dan syariat yang lengkap sesuai dengan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Kedudukan manusia sebagai sebaik-baik kejadian. <input type="checkbox"/> Nilai keadilan Islam bersifat sejagat. <input type="checkbox"/> Islam sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. <input type="checkbox"/> Islam adalah menjamin hak asasi manusia.
Waqi'iyah	Thabat	Murunnah
<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Praktikal dan mampu diamalkan. <input type="checkbox"/> Menyelesaikan masalah kehidupan. <input type="checkbox"/> Menekankan kesederhanaan dan keseimbangan hidup. 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Akidah, kepercayaan dan keyakinan terhadap Allah SWT sebagai Tuhan Yang Maha Esa dan Tiada sekutu bagi-nya. <input type="checkbox"/> Ibadat khusus : Solat fardu, haji dan zakat telah ditetapkan cara pelaksanaannya oleh syariat Islam. <input type="checkbox"/> Ketetapan hukum syariah : Hudud, qisas, diat dan takzir. 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Islam agama yang mudah. <input type="checkbox"/> Dilaksanakan mengikut keadaan dan kemampuan.

Keistimewaan Prinsip Pandangan Hidup Islam

Keistimewaa Sesuai dengan Fitrah dan Akal Manusia	Huraian - Selaku pencipta manusia, Allah SWT lebih mengetahui fitrah kejadian manusia. - Wahyu yang dturunkn sesuai dengan fitrah dan akal manusia.
Bersifat Jelas dan Praktikal	- Peraturan dan panduan hidup dalam al-Quran dan al-Sunnah amat jelas dan praktikal.
Keseimbangan	- Mudah dilaksanakan dan tidak membebankan. - Seimbang dari sudut rohani dan jasmani. - Seimbang dalam hubungan dengan Allah SWT, manusia dan alam sekitar.
Sesuai dengan Peranan sebagai Khalifah	- Manusia adalah bertanggungjawab dalam melaksanakan ajaran Islam. - Bertujuan untuk memakmurkan kehidupan dan kesejahteraan manusia.
Rahmat bagi Sekalian Alam	- Islam membawa rahmat kepada semua makhluk. - Islam mementingkan nilai kasih sayang dan persaudaraan.

Islam sebagai Penyelesaian

Aspek	Penyelesaian
Hak Asasi Manusia	Hak asasi manusia = hak-hak asas yang wajib diberikan kepada setiap individu (contoh hak keamanan, hak pendidikan). Melalui prinsip hidup Islam, sama sekali tiada pencabulan hak asasi dalam Islam. Islam mengamalkan konsep keadilan sejagat.
Pembahagian Harta Pusaka (Hukum faraid)	Hukum faraid telah ditetapkan dalam al – Quran. Bahagian anak lelaki adalah sama dengan dua bahagian anak perempuan. Hikmah / kebaikan : Kerana kewajipan memberi nafkah adalah pada pihak lelaki.

PELAJARAN 5 : PRINSIP PANDANGAN HIDUP ISLAM
BAHAGIAN A

Soalan 1 hingga soalan 5

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan:

- 1 Prinsip _____ amat penting dalam memahami tujuan kehidupan sebenar.
- 2 Islam ialah agama _____ mampu diamalkan oleh semua golongan manusia.
- 3 Wahyu yang diturunkan sesuai dengan _____ dan akal manusia.
- 4 Kelebihan sifat murunah ialah dapat menarik minat orang bukan _____ untuk memahami dan mempelajari tentang Islam.
- 5 Allah SWT menurunkan peraturan hidup melalui _____ dan bimbingan hadis untuk menjamin keselamatan hidup di dunia dan di akhirat.

Soalan 6 hingga 9.

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.

- | | | |
|---|--|--|
| 6 | Agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan di dunia dan akhirat | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |
| 7 | Luwes atau anjal iaitu boleh berubah mengikut kesesuaian, namun masih tetap pada prinsip asasnya. | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |
| 8 | Segala hukum, konsep, prinsip , nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT. | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |
| 9 | Islam ialah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |

Soalan 10 hingga soalan 11

Lengkapkan jadual berikut berkaitan dengan prinsip pandangan hidup Islam.

Prinsip Pandangan Hidup Islam	Pengertian	Ciri
G	Islam agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman	Kedudukan manusia sebagai sebaik-baik kejadian
H	Agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan di dunia dan akhirat	Islam tidak terikat dengan masa, tempat dan ruang tertentu

10. G ialah _____

11. H ialah _____

Soalan 12-14 adalah berdasarkan soalan di bawah.

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah

12. Waqii'yyah dapat menjamin hak asasi manusia.

13. Wahyu diturunkan bersesuaian dengan fitrah dan akal manusia.

14. Memakmurkan kehidupan dan kesejahteraan di muka bumi ini bukanlah tanggung jawab manusia sebagai seorang khalifah.

BAHAGIAN B

1 a i Nyatakan maksud Alamiyyah. [2markah]

ii Terangkan dua ciri Alamiyyah. [4markah]

2 a i Nyatakan pengertian thabat [2 markah]

ii Senaraikan dua contoh prinsip thabat berkaitan hukum syariah. [2 markah]

b i Apakah maksud murunah [2 markah]

ii Jelaskan dua kelebihan sifat murunah. [4 markah]

c i

[2 markah]



Berdasarkan gambar, huraikan ibadah yang boleh diamalkan oleh seorang murid untuk mencapai kejayaan.

ii Kebelakangan ini isu remaja meninggalkan ibadah semakin meruncing. Mengikut ibadah yang disebutkan di atas berikan hujah anda jika ibadah tersebut ditinggalkan.

(4Markah)

TEMA 2: MANUSIA SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH SWT

PELAJARAN 6 : FITRAH KEJADIAN INSAN

Maksud Insan	Makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal dan ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT serta memakmurkan alam
Proses Kejadian Manusia	<p>-Nutfah : Sperma lelaki dan ovum perempuan bercantum dan disenyawakan di dalam rahim perempuan (pernianian).</p> <p>-Alaqah (<i>Zigot</i>) : Percantuman nutfah menjadi segumpal darah.</p> <p>- Mudghah (Embrio) : Alaqah akan menjadi seketul daging. Pada peringkat ini terbentuk tangan, kepala, kaki dan tulang rusuk.</p> <p>-‘Izam & Lahm (Embrio): Daging akan membaluti tulang sehingga membentuk lembaga manusia yang sempurna fizikalnya.</p> <p>- Janin (Fetus) : Pada peringkat ini, Allah SWT akan meniupkan roh ke dalam tubuh janin yang berumur empat bulan.</p>
Peringkat Alam yang dilalui Manusia	<ol style="list-style-type: none">1. Alam Roh Alam yg dirahsiakan oleh Allah SWT. Roh = nyawa yg menyebabkan jasad hidup dan bergerak. Manusia berikrar dan mengakui akan keesaan Allah SWT.2. Alam Rahim Alam Ketika manusia dlm kandungan ibunya. Ditiupkan roh, ditetapkan ajal, rezeki dan amalannya.3. Alam Dunia Alam nyata yang kita alami saat ini. Allah SWT mencipta alam ini sebagai tempat untuk manusia beribadah dan menjadi khalifah-Nya. Alam sementara manusia diuji.4. Alam Barzakh / Alam Kubur Alam yang memisahkan antara alam dunia dengan alam akhirat. Barzakh menjadi tempat persinggahan sementara menunggu Hari Kiamat sesudah kematian.5. Alam Akhirat Alam yang kekal dan abadi setelah terjadi Kiamat. Allah SWT memberikan balasan kepada para hamba-Nya atas segala amalan mereka selama di dunia. Buku amalan, timbangan (al – Mizan), titian sirat, syurga dan neraka
Istilah	<p>Mushahadah = Alam nyata yang dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal manusia tentang kewujudannya (contoh manusia, haiwan dan tumbuhan).</p> <p>Alam Ghaib : Alam nyata yang tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal. Kewujudannya hanya dapat diketahui dan diyakini daripada penjelasan al – Quran dan al–Sunnah (contoh alam barzakh, alam masyhar, syurga dan neraka).</p>

4 Keistimewaan Insan

- Dikurniakan akal fikiran.
- Diberikan kitab sebagai panduan.
- Diberi tanggungjawab sebagai khalifah.
- Dianugerahkan rasul sebagai pembimbing.

5 Kepentingan Memelihara Fitrah Kejadian Insan

- Mendapat keredaan dan petunjuk Allah SWT.
- Mengukuhkan keimanan dan menyemai ketakwaan.
- Menerima kebenaran dan menolak kebatilan.
- Membentuk kehidupan yang aman dan harmoni.
- Dapat memakmurkan bumi.

6. Tindakan untuk Memelihara Fitrah Kejadian Insan

- Menjaga sikap dan tingkah laku, memupuk akhlak mulia dan menjaga kesucian diri.
- Berusaha untuk menjadikan keluarga yang dibina atas ketakwaan dan kasih sayang agar kehidupan menjadi tenteram.
- Mengambil berat, membantu dan membimbing rakan-rakan agar mereka sentiasa positif melakukan kebaikan.
- Wajib melaksanakan amanah dengan penuh tanggungjawab, berlaku adil dan menjauhi kezaliman.

PELAJARAN 6 : FITRAH KEJADIAN INSAN
BAHAGIAN A

Soalan 1 hingga soalan 5

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan:


- 1 Pada peringkat _____ akan terbentuk tangan, kepala, kaki dan tulang rusuk yang belum sempurna dalam kandungan ibu.
- 2 Ciri insan yang mempunyai jati diri adalah memiliki _____ yang baik seperti menghormati jiran..
- 3 Allah SWT akan meniupkan _____ ke dalam tubuh janin yang berumur empat bulan.
- 4 Asal usul kejadian insan adalah bermula daripada penciptaan _____ yang berasal daripada tanah.
- 5 Makhluk yang berbudaya dapat mencipta _____ hidup.

Soalan 6 hingga 9

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.

- | | | |
|---|---|--|
| 6 | Sifat semulajadi yang terdapat pada ciptaan Allah SWT | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |
| 7 | Benih yang bercantum dan disenyawakan di dalam Rahim wanita | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |
| 8 | Alam yang memisahkan antara alam dunia dengan alam akhirat | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |
| 9 | Makhluk ciptaan Allah yang istimewa kerana boleh berfikir dan berkehendak | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |

Soalan 10 hingga soalan 12



Soalan 13 - 16

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (x) pada pernyataan yang salah.

- | | | |
|----|--|--------------------------|
| 13 | Perkara Ghaib hanya diketahui oleh Allah | <input type="checkbox"/> |
| 14 | Hakikat kejadian manusia adalah untuk beribadat kepada Allah SWT.. | <input type="checkbox"/> |
| 15 | Kubur adalah salah satu daripada alam ghaib yang tidak dapat dilihat oleh manusia. | <input type="checkbox"/> |
| 16 | Alaqah ialah percantuman Mudghah yang menjadi segumpal darah | <input type="checkbox"/> |

BAHAGIAN B

Jawab soalan berikut

1 a i Apakah yang dimaksudkan dengan fitrah kejadian manusia. [2markah]

ii Jelaskan **dua** kebaikan memerhati dan memikirkan kejadian manusia yang sempurna. [4markah]

iii Senaraikan **empat** proses kejadian manusia yang termaktub dalam Al-Quran. [4markah]

2 a i Terangkan cara untuk menjaga fitrah kejadian manusia sebagai hamba Allah. [2 markah]

ii Al Mizan ialah neraca timbangan Allah untuk menimbang amalan manusia. [6 markah]

Sebagai orang yang beriman apakah persediaan anda untuk mendapatkan timbangan amalan yang baik.

TEMA 2 : MANUSIA SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH SWT

PELAJARAN 7 : TANGGUNGJAWAB SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH SWT

Konsep hamba dan khalifah Allah SWT

Hamba

- Manusia sebagai hamba Allah SWT bermaksud manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Khalifah

- Manusia sebagai khalifah Allah SWT bermaksud manusia wajib mentadbir dan memakmurkan bumi selari dengan kehendak syariat.

Hubungan hamba dan khalifah

- Hakikat manusia sebagai hamba Allah SWT bukanlah satu penghinaan sebaliknya satu kemuliaan.
- Keistimewaan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT ialah anugerah dan amanah yang tidak dimiliki oleh makhluk lain.
- Hubungan hamba dengan khalifah Allah SWT dapat dijelmakan dengan konsep penyerahan diri kepada Allah SWT dalam akidah, syariat dan akhlak.

Tujuan penciptaan manusia

- Mengabdikan diri kepada Allah SWT.
- Memakmurkan bumi Allah SWT berdasarkan syariat Allah SWT.

Tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT

Kepada Allah dan rasul

- Menyembah Allah SWT yang maha Esa tanpa mensyirikkan-Nya.
- Mematuhi segala perintah Allah SWT serta menjauhi larangan-Nya.
- Bersyukur atas nikmat Allah SWT dan sentiasa mengingati-Nya dengan zikrullah.
- Berselawat dan meneladani sunnah Rasulullah SAW.

Kepada manusia

- Menjalinkan hubungan silaturahim sesama manusia.
- Memelihara hak sesama manusia seperti memelihara hak jiran.
- Mengamalkan nilai murni dalam masyarakat dengan konsep amar makruf nahi mungkar.
- Sentiasa hormat-menghormati sesama masyarakat.

Kepada alam

- Mentadbir dan memakmurkan alam secara terancang.
- Menggunakan sumber alam semula jadi secara bijaksana dan efektif.
- Memelihara alam daripada pencemaran dengan tidak membuang sampah merata-rata.
- Menggiatkan usaha pemuliharaan alam bagi menjaga kelangsungan hidup flora dan fauna.

Kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT

Kepada Agama

- Syariat dan undang-undang Islam dapat dilaksanakan.
- Rakyat berpegang teguh dengan ajaran agama Islam yang sebenar.
- Nilai murni dan akhlak mulia dapat dihayati dan dipraktikkan oleh masyarakat.

Kepada pendidikan

- Melahirkan masyarakat madani yang bertaqwa.
- Masyarakat mendapat pendidikan rohani, fizikal, mental dan emosi yang seimbang.
- Melahirkan tenaga pakar untuk mentadbir dan memakmurkan alam ini.

Kepada politik

- Melahirkan pemimpin yang berintegriti.
- Kestabilan politik terjamin dan melancarkan urusan pentadbiran negara.
- Negara menjadi aman dan sejahtera.

Kepada ekonomi

- Ekonomi maju dan pesat.
- Pembangunan negara dapat dijalankan dengan lancar.
- Merapatkan jurang ekonomi dalam kalangan masyarakat.

Kepada sosial

- Perpaduan dapat dikekalkan.
- Masyarakat hidup dengan toleransi dan saling menghormati.
- Wujud keharmonian dalam masyarakat.

Punca pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT

- Syariat Islam tidak dilaksanakan.
- Mengabaikan pendidikan.
- Kelemahan urusan pentadbiran dan salah guna kuasa.
- Masyarakat bersikap malas dan memilih pekerjaan.
- Hilang sikap hormat-menghormati antara masyarakat.

Kesan pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT

- Berlaku keruntuhan akhlak dan jenayah berleluasa.
- Masyarakat akan kekurangan ilmu dan jahil.
- Ekonomi tidak membangun.
- Berlaku perpecahan dan diskriminasi dalam masyarakat.
- Hilang kepercayaan kepada pemimpin dan negara akan mundur.
- Berlaku perpecahan dan diskriminasi dalam masyarakat.

Contoh aktiviti yang sesuai untuk laksanakan tindakan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dalam kehidupan

- Kempen kitar semula.
- Bengkel kemahiran dan inovasi.
- Kursus kepimpinan sekolah.
- Kem jati diri.

**PELAJARAN 7 : TANGGUNGJAWAB SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH SWT
BAHAGIAN A**

Soalan 1 hingga soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan:

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan

Soalan 1 hingga soalan 4.

1. Manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT.
2. Manusia wajib mentadbir dan memakmurkan bumi.
3. Masyarakat dan generasi yang maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan .
4. Menjaga dan melindungi alam supaya tidak dirosakkan


Soalan 5 hingga soalan 10

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

5. Konsep _____ diri kepada Allah SWT dalam akidah syariat dan akhlak.
6. Sentiasa mengingati Allah SWT dengan_____.
7. Mengamalkan konsep amar maaruf _____ dalam masyarakat.
8. Sebagai hamba Allah SWT manusia dikehendaki_____ perintah Allah SWT.
- 9.Saling menghormati dan bertoleransi adalah tanggungjawab manusia kepada_____.
10. kempen kitar semula harus diadakan bagi memupuk semangat masyarakat mencintai dan _____ alam sekitar.

Soalan 11 hingga 12 berdasarkan rajah tujuan penciptaan manusia.


Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.



11. P ialah _____
12. Q ialah _____

Soalan 13 dan soalan 14

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul mengenai kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dari aspek social.




13 Q ialah _____

14 R ialah _____

Soalan 15 hingga 16

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul



15 T ialah

16 U ialah

Bahagian B

- 1 Nyatakan pengertian hamba? [2 markah]
.....
.....
.....

- 2 Nyatakan maksud Khalifah [2 markah]
.....
.....
.....

- 3 Walaupun manusia sebagai khalifah di muka bumi, gelaran hamba sentiasa Mengingatinya kepada Allah SWT yang Maha berkuasa. Terangkan **tiga** hubungan hamba dan Khalifah [6 markah]
.....
.....
.....
.....

- 4 Huraikan **dua** tanggungjawab manusia terhadap Allah SWT. [4 markah]
.....
.....
.....

- 5 Huraikan **dua** tanggungjawab manusia sesama manusia. [4 markah]
.....
.....
.....

- 6 Huraikan **dua** tanggungjawab manusia terhadap alam. [4 markah]
.....
.....
.....

- 7 Jelaskan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah sudut agama. [4 markah]
.....
.....
.....

- 8 Jelaskan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah sudut pendidikan. [4 markah]
.....
.....
.....
.....

9 Jelaskan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah sudut politik. [4 markah]

.....
.....
.....

10 Jelaskan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah sudut ekonomi. [4 markah]

.....
.....
.....
.....

11 Jelaskan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah sudut sosial. [4 markah]

.....
.....
.....

12 Nyatakan **dua** punca pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah. [4 markah]

.....
.....
.....

13 Jelaskan **dua** kesan pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah. [4 markah]

.....
.....
.....

14 Nyatakan **dua** aktiviti yang sesuai untuk merealisasikan tindakan sebagai hamba dan khalifah di muka bumi ini. [4 markah]

.....
.....
.....
.....



(i) Berdasarkan keadaan di atas, nyatakan hukum perbuatan tersebut . [1 markah]

(ii) Berikan pandangan anda sebagai seorang hamba cara mengatasi masalah tersebut. [5 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

**TEMA 2 : MANUSIA SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH SWT
PELAJARAN 8 : PERANAN WAHYU DAN AKAL**

Pengertian wahyu **Bahasa** : Isyarat, ilham, panduan, nasihat yang disampaikan ke dalam hati manusia.

Istilah : Kalam Allah yang disampaikan kepada Nabi dan Rasul melalui perantaraan Malaikat Jibrail atau terus daripada Allah SWT.

Pengertian Akal **Istilah** : Keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia untuk membezakannya.

Ciri-ciri

Ciri Wahyu	Ciri Akal
1. Wahyu hanya disampaikan kepada para Nabi dan Rasul	<u>1. Anugerah paling istimewa yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia untuk berfikir</u>
2. Kebenaran wahyu adalah bersifat mutlak	2. Akal membezakan manusia dengan haiwan .
3. Hukum wahyu kekal hingga ke akhir zaman kerana tidak boleh dipinda oleh manusia dan jin.	3. Akal tidak mampu memikirkan perkara ghaib
4. Wahyu mengandungi undang-undang dan syariat Allah SWT.	Akal sentiasa berubah dan berkembang
5. Wahyu menerangkan perkara sam'iyat dan perkara ghaib seperti dosa dan pahala.	-

Fungsi wahyu

Terhadap Akidah	Terhadap Ibadah	Terhadap Akhlak
▪Panduan dan pedoman bagi akidah yang sah	▪Sebagai sumber utama syariat Islam	▪Panduan dalam pembentukan akhlak mulia
▪Memperbaiki dan membetulkan akidah manusia	▪Membimbing dan membetulkan tatacara beribadat	▪Menetapkan hukum -hukum praktis yang berkaitan dengan akhlak
▪Menerang dan menjelaskan perkara ghaib seperti syurga ,nerakadan titian sirat	▪Ganjaran dan balasan beribadah ditetapkan oleh wahyu	▪Membimbing masyarakat untuk berinteraksi antara satu sama lain

Keistimewaan al -Quran

- Kandungan al-Quran benar dan tidak ada keraguan
- Kandungan dan hukum al-Quran kekal sehingga hari kiamat
- Panduan al-Quran meliputi pelbagai aspek seperti akidah ,ibadah ,akhlak dan lain-lain
- Membaca dan mendengar al-Quran dikira ibadah dan mendapat pahala

<p>Anatomi al-Quran:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ 14 surah ✓ 30 juzuk ✓ 6236 ayat ✓ Jumlah surah Makkah sebanyak 86 surah ✓ Jumlah surah Madaniah sebanyak 28

Fungsi akal

- .Memahami hakikat kebesaran Allah SWT
- .Memahami danmemikirkan wahyu firman Allah SWT
- Memahami dan membuktikan kebenaran Islam
- Mempelajari cara-cara untuk mendekati diri dan beribadat kepada Allah SWT
- Memikirkan kejadian makhluk dan alam

Kedudukan wahyu dan akal

Kedudukan wahyu	Kedudukan akal
1.Wahyu merupakan sumber dan panduan kepadasetiapa manusia	1.Kurniaan Allah SWT yang paling istimewa kepada manusia
2.Menjadi rujukan utama dalam menentukan hukum hakam	2.Membantu memahami kandungan wahyu
3.Sebagai pemisah antara hak dengan batil	3.Menjadi syarat dalam mempelajari ilmu
4.Pemikiran yang bertentangan dengan wahyu dianggap salah dan sesat	4..Menjadi syarat penerimaan taklif Syariat Islamiah bagi manusia yang sempurna akal
5.Sebagai petunjuk mutlak yang tidak terpengaruh dengan suasana ataupun peristiwa	5.Mempunyai keterbatasan untuk menjelaskan sesuatu seperti perkara ghaib.

Perkara yang merosakkan akidah

- Penyalahgunaan bahan terlarang seperti dadah dan syabu
- Gejala negatif dan maksiat seperti membaca atau menonton bahan-bahan lucah.
- Mengambil makanan dan minuman yang memabukkan serta merosakkan akalseperti arak
- Memikirkan perkara di luar kemampuan akal seperti memikirkan zat Allah SWT.

Kepentingan wahyu

- a) Wahyu memerintahkan manusia menggunakan akal sepenuhnya
- b) Wahyu membimbing akal dalam memelihara kebenaran akidah dan iman
- c) Wahyu memastikan kesahihan ibadah yang dilaksanakan oleh manusia
- d) Wahyu mempengaruhi akal untuk menghasilkan kemuliaan akhlak dan tingkah laku
- e) Wahyu memelihara akaldengan tuntutan syarak.
- f) Wahyu melarangi supaya berfikir dan bertindak secara logik serta selari

PELAJARAN 8 : PERANAN WAHYU DAN AKAL

BAHAGIAN A

Soalan 1 hingga soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

1. Fungsi akal adalah dapat membezakan antara perkara _____ dengan perkara kesesatan.
2. Apabila manusia menyalahgunakan _____, mereka akan menjadi hina dan tarafnya lebih hina daripada haiwan
3. _____ memelihara akal supaya berfikir dan bertindak secara logik serta selari dengan tuntutan syarak.
4. Membaca dan mendengar al-Quran dikira sebagai _____ dan mendapat pahala.

Soalan 5-6

Tuliskan istilah yang betul bagi perkara berikut

5. Keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia untuk membezakannya dengan haiwan. _____
6. Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan malaikat Jibril a.s atau terus daripada Allah SWT. _____

Padankan pernyataan di bawah dengan fungsi wahyu dan akal yang betul.

Ibadah	Ganjaran dan balasan beribadah ditetapkan oleh wahyu.
P	Membimbing masyarakat untuk berinteraksi antara satu sama lain
Q	Menerang dan menjelaskan perkara ghaib seperti syurga, neraka dan titian sirat

7. P ialah

8. Q ialah

Tandakan (\checkmark) pada pernyataan yang betul. Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

9. Akal dianugerahkan kepada semua makhluk. _____
10. Pemikiran yang bertentangan dengan wahyu dianggap salah dan sesat. _____
11. Wahyu masih diturunkan lagi selepas kewafatan Rasulullah SAW . _____
12. Akal membantu memahami kandungan wahyu. _____

BAHAGIAN B

1 a i Apakah yang dimaksudkan dengan wahyu ? [2markah]

ii Nyatakan **dua** sifat mustahil bagi Rasul. [2 markah]

(iii) Senaraikan **empat** ciri wahyu [4markah]

b (i) Jelaskan **dua** Fungsi wahyu dalam Ibadat. [4 markah]

ii Terangkan **dua** keistimewaan al-Quran. [4 markah]

iii Nyatakan maksud akal. [2 markah]

(c) i Jelaskan **dua** ciri akal. [2 markah]

ii Terangkan **dua** fungsi akal. [4 markah]

iii Nyatakan **dua** contoh perbuatan yang merosakkan akal. [2 markah]

- 2 (a) i Jelaskan **dua** perbezaan antara wahyu dan akal. [4 markah]

WAHYU	AKAL

- ii Jelaskan **dua** kedudukan wahyu dalam menyempurnakan tanggungjawab manusia. [4 markah]

- iii Terangkan **dua** cara memelihara akal. [4 markah]

- iv Jelaskan **dua** fungsi wahyu dalam pembentukan akhlak manusia. [4 markah]

- b i Terangkan **dua** kelebihan berpegang dengan wahyu kepada individu. [4 markah]

C



- i Berdasarkan gambar, di atas nyatakan hukum perbuatan tersebut [1 markah]

- ii Berikan pandangan anda mengapakah gejala ini masih berlaku. [5 markah]

TEMA 3 : SISTEM SOSIAL ISLAM

PELAJARAN 9 : ASAS SISTEM SOSIAL ISLAM

Sistem Sosial Islam	Sistem yang mengawal dan memberi panduan berkaitan cara manusia berhubung antara satu sama lain
Sumber Utama Sistem Sosial Islam	<ul style="list-style-type: none">• Al-Quran• Al-Sunnah• Al-Ijmak• Al-Qias
Matlamat Sistem Sosial Islam	<ul style="list-style-type: none">• Mendapat keredhaan Allah.• Melaksanakan tugas sebagai khalifah untuk mentadbir alam.• Melaksanakan hak dan tanggungjawab dengan sebaiknya.• Mencapai kesejahteraan dan keharmonian hidup di dunia dan akhirat.
Adab dan Etika berdasarkan Sistem Sosial Islam	<ul style="list-style-type: none">• Berpandukan al-Quran dan al-Sunnah.• Perhubungan atas dasar iman dan takwa kepada Allah.• Mengutamakan kepentingan umum berbanding kepentingan individu.• Mengamalkan akhlak mulia pada setiap masa.• Menghormati kepelbagaian budaya dan adat resam.
Keistimewaan Sistem Sosial Islam	<ul style="list-style-type: none">• Bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.• Menjaga hak asasi manusia.• Menjadikan keluarga sebagai asas masyarakat sejahtera. Membangunkan modal insan yang berilmu dan berkahlak mulia

PELAJARAN 9 : ASAS SISTEM SOSIAL ISLAM
BAHAGIAN A

Arahan: Jawab semua soalan.
Soalan 1 hingga Soalan 5

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan.

- | | | |
|----|--|--|
| 1 | Kalam Allah SWT yang diturunkan melalui malaikat Jibril a.s.dan tidak diperintahkan menyampaikannya kepada orang lain. | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |
| 2 | Kesepakatan para ulama mengenai sesuatu hukum syarak. | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |
| 3 | Segala perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW dari segi perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat fizikal atau akhlak. | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |
| 4. | Menyamakan sesuatu hukum yang tiada nasnya dengan sesuatu hukum yang ada nasnya disebabkan adanya persamaan illah (sebab) hukum. | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |
| 5. | Tingkah laku sopan, berbudi bahasa, pekerti yang halus dan mulia. | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |

Soalan 6 hingga Soalan 11

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan

6. Adab dan etika berdasarkan sistem sosial Islam berpandukan al-Quran dan _____.
7. Perhubungan dalam sistem sosial Islam adalah berasaskan iman dan _____ kepada Allah SWT
8. Tujuan sistem sosial Islam adalah untuk mewujudkan _____ yang harmoni dalam kehidupan manusia
9. _____ bermaksud kesepakatan para mujtahid daripada kaum Muslimin dalam suatu masa atas hukum syarak.
10. Penghayatan prinsip _____ penting bagi mewujudkan perpaduan dalam masyarakat majmuk.
11. Institusi _____ merupakan unit asas dalam pembentukan masyarakat dan negara.

Soalan 12 hingga Soalan 13 berdasarkan jadual 1 di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Sumber Utama Sistem Sosial Islam	Al-Quran
	P
	Al-Ijmak
	Q

Jadual 1

12. P ialah _____

13. Q ialah _____

Soalan 14 hingga Soalan 15 berdasarkan jadual 2 di bawah

Matlamat Sistem Sosial Islam
R
Melaksanakan tugas sebagai khalifah untuk mentadbir dan memakmurkan alam
Melaksanakan hak dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya
S

14. R ialah _____

15. S ialah _____

BAHAGIAN B

1. Nyatakan pengertian Sistem Sosial Islam [2 markah]

2. Terangkan tiga adab dan etika Sistem Sosial Islam. [6 markah]

TEMA 3 : SISTEM SOSIAL ISLAM

PELAJARAN 10 : SISTEM KEKELUARGAAN MENURUT ISLAM

Keluarga Unit sosial yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan atau pengambilan anak angkat.

Ciri-Ciri Keluarga Islam

- Dibina berdasarkan ketaatan kepada Allah SWT.
- Sentiasa mengamalkan akhlak mulia dan contoh teladan yang baik.
- Melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Rukun Nikah

- Suami
- Isteri
- Dua orang saksi
- Wali
- Akad (Ijab dan Kabul)

Matlamat Institusi Keluarga Islam

- Menjaga kehormatan manusia.
- Melahirkan generasi yang bertakwa kepada Allah SWT
- Memastikan kelangsungan zuriat manusia melalui ikatan perkahwinan yang sah.
- Menjamin keutuhan sosial dan ekonomi

Peranan Ahli Keluarga

- Suami:
 - Berperanan sebagai pemimpin keluarga.
 - Menyediakan keperluan asas.
 - Melindungi ahli keluarga.
 - Memberi pendidikan yang sempurna kepada ahli keluarga
- Isteri:
 - Taat kepada suami dalam hal yang tidak bertentangan dengan Islam.
 - Menjaga rahsia rumah tangga.
 - Mengurus hal ehwal rumah tangga seperti menjaga harta suami dengan baik.
 - Membantu suami dalam mendidik anak-anak
- Peranan bersama suami dan isteri:
 - Memelihara dan mendidik anak dengan baik.
 - Memelihara kehormatan diri dan maruah.
 - Menghubungkan silaturrahim antara kedua-dua belah keluarga
 - Nasihat-mensihati ke arah kebaikan
- Anak:
 - Menghormati nasihat ibu bapa.
 - Berbakti kepada ibu bapa.
 - Menjaga maruah ibu bapa dan keluarga.
 - Membantu ibu bapa di rumah

Kepentingan
Pembinaan Keluarga

- Memenuhi naluri semula jadi manusia untuk hidup berpasangan berdasarkan lunas syarak
- Mengamalkan sunnah Rasulullah SAW
- Memelihara diri daripada maksiat dan penyakit
- Membina ahli keluarga yang terdidik dengan nilai-nilai Islam
- Membentuk masyarakat yang bertamadun berteraskan syariat Islam
- Memastikan kelangsungan zuriat manusia melalui ikatan pernikahan yang sah
- Menjalinkan cinta dan kasih sayang berlandaskan peraturan syariat.

Pembinaan Keluarga
Islam

- Solat berjemaah
- Makan bersama
- Beriadah dan berekreasi
- Meraikan kejayaan

PELAJARAN 10 : SISTEM KEKELUARGAAN MENURUT ISLAM BAHAGIAN A

Arahan: Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga Soalan 7

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan.

- 1 Ciri-ciri keluarga Islam berdasarkan _____ kepada Allah SWT.
- 2 Di antara matlamat institusi kekeluargaan Islam adalah ingin melahirkan generasi yang _____ kepada Allah SWT.
- 3 Melalui ikatan perkahwinan, ia dapat memastikan kelangsungan _____ yang sah.
- 4 Melalui _____, ahli keluarga dapat berdoa bersama-sama, bersalaman dan bermaafan.
- 5 Perkahwinan merupakan _____ Rasulullah SAW.
- 6 _____ kepada ibu bapa merupakan antara tanggungjawab anak ketika ibu bapa sudah uzur dan tua.
- 7 Antara peranan isteri ialah menjaga _____ rumahtangga.

Soalan 8 dan Soalan 9

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

RUKUN NIKAH
Suami
P
Dua orang saksi
Q
Akad (ijab dan Kabul)

8. P ialah _____.
9. Q ialah _____.

Soalan 10 hingga Soalan 15

Tandakan (\checkmark) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

- | | | |
|----|--|--------------------------|
| 10 | Sesebuah institusi kekeluargaan Islam yang sempurna dapat membentuk sebuah keluarga berakhlak mulia. | <input type="checkbox"/> |
| 11 | Isteri bertanggungjawab menyediakan keperluan asas seperti makanan dan minuman. | <input type="checkbox"/> |
| 12 | Suami memainkan peranan penting dalam menguruskan hal ehwal rumah tangga seperti membantu isteri dalam mendidik anak-anak. | <input type="checkbox"/> |
| 13 | Seorang anak yang solehah sentiasa mendoakan ibu bapanya ketika masih hidup atau telah meninggal dunia. | <input type="checkbox"/> |
| 14 | Pembinaan keluarga yang sejahtera dan harmoni merupakan asas kepada kesejahteraan masyarakat dan negara. | <input type="checkbox"/> |
| 15 | Suami bertanggungjawab untuk menghubungkan silaturrahim antara kedua-dua belah keluarga. | <input type="checkbox"/> |

BAHAGIAN B

- | | | |
|---|--|------------|
| 1 | Nyatakan pengertian keluarga. | [2 markah] |
| | <hr/> <hr/> | |
| 2 | Jelaskan dua ciri kekeluargaan Islam. | [4 markah] |
| | <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> | |
| 3 | Jelaskan dua peranan suami dan isteri terhadap keluarga. | [4 markah] |
| | <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> | |

4 Terangkan dua kepentingan pembinaan keluarga bahagia selaras [4 markah]
dengan tuntutan Islam.

.

5



i) Nyatakan faktor kebahagiaan sesebuah rumahtangga. [2 markah]

ii) Berdasarkan gambar di atas, bagaimanakah cara anda untuk [4 markah]
merealisasikan tuntutan Islam dalam membina sebuah keluarga
bahagia berdasarkan keimanan dan ketakwaan?

TEMA 3 : SISTEM SOSIAL ISLAM
PELAJARAN 11: PRINSIP PERGAULAN DALAM ISLAM

- Konsep Pergaulan
- **Pergaulan dalam Islam** ialah merujuk kepada komunikasi antara seorang individu dengan individu lain berteraskan syariat Islam.
 - Islam menggalakkan pergaulan yang memberikan manfaat.
 - Pergaulan dalam Islam mestilah mengambil kira batas-batas mahram, jantina dan juga jenis aktiviti yang dijalankan.

Asas Pergaulan

Saling mengenali (ta'aruf)

- Memberi salam ketika bertemu.
- Mengenal latar belakang antara satu sama lain.
- Berkomunikasi dengan sopan.

Saling memahami (tafahum)

- Bersikap lapang dada.
- Saling nasihat-menasihati.
- Menjauhi sikap adu domba (namimah)

Saling bekerjasama (ta'awun)

- Saling tolong-menolong ke arah kebaikan.
- Prihatin antara satu sama lain.
- Menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Prinsip pergaulan

- Bermatlamatkan keimanan.
- Berlandaskan syariat Islam.
- Memberikan panduan berinteraksi sesama manusia berdasarkan ajaran Islam.
- Menghormati antara satu sama lain.
- Bekerjasama dalam perkara kebaikan dan mencegah kejahatan.
- Mengutamakan keamanan dan keharmonian.

Adab pergaulan dalam Islam

- Menjaga tutur kata supaya tidak menyakiti hati orang lain.
- Berlaku adil dan ihsan terhadap semua manusia.
- Menghormati dan tidak menghina orang lain.
- Bersangka baik.
- Menjaga batasan pergaulan antara lelaki dengan perempuan.
- Menjaga batasan aurat.

Sifat mahmudah dalam pergaulan

Ikhlas Benar Amanah Penyayang	Sopan Menghormati Bersangka baik Bekerjasama
--	---

Cara-cara memupuk sifat mahmudah

- Mempelajari ilmu yang benar.
- Dilatih dan dipupuk sejak kecil.
- Mempraktikkan sifat mahmudah dalam pergaulan sesama manusia.
- Menggalakkan kesediaan setiap individu untuk sentiasa mengamalkan nilai-nilai Islam.
- Membudayakan sifat mahmudah pada seluruh lapisan masyarakat.

Kepentingan Prinsip Pergaulan Islam

- Memelihara kesucian dan maruah umat Islam.
- Membentuk masyarakat yang harmoni, saling memahami dan membantu antara satu sama lain.
- Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu.
- Melahirkan manusia yang bertaqwa, istiqamah dan berdisiplin.
- Mengukuhkan institusi perkahwinan.
- Menghindarkan diri daripada melakukan perkara yang dimurkai Allah SWT.
- Mengelakkan keruntuhan akhlak dan maksiat secara berleluasa dalam kalangan masyarakat.
- Membanteras perlakuan yang menyalahi fitrah.

PELAJARAN 11: PRINSIP PERGAULAN DALAM ISLAM
BAHAGIAN A

Soalan 1 hingga soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan:

- 1 _____ dalam Islam ialah merujuk kepada komunikasi antara seorang individu dengan individu lain berteraskan syariat Islam.
- 2 Prinsip pergaulan dalam Islam ialah mengutamakan keamanan dan _____
- 3 Sayyid Qutb memberi tiga pandangan yang penting menjadi asas keadilan sosial iaitu kebebasan jiwa, kesamarataan kemanusiaan dan _____
- 4 _____ ialah sifat terpuji yang diamalkan oleh seseorang individu semasa berinteraksi dengan orang lain

Soalan 5 hingga soalan 8

Tulis istilah yang betul dengan pernyataan berikut dalam ruangan kosong yang disediakan.

- | | | |
|---|---|---|
| 5 | Melakukan sesuatu kebaikan semata-mata kerana Allah SWT | <input style="width: 50px; height: 30px;" type="text"/> |
| 6 | Bersikap benar dalam percakapan, perbuatan dan niat di dalam hati | <input style="width: 50px; height: 30px;" type="text"/> |
| 7 | Berfikiran positif terhadap semua pihak | <input style="width: 50px; height: 30px;" type="text"/> |
| 8 | Saling menyayangi antara sesama ahli masyarakat | <input style="width: 50px; height: 30px;" type="text"/> |

Soalan 9 hingga soalan 10

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul

CONTOH-CONTOH SIFAT MAHMUDAH	IKHLAS
	BENAR
	AMANAH
	SOPAN
	PENYAYANG
	P
	Q

9. P ialah _____
10. Q ialah _____

Soalan 11-12

Lengkapkan jadual di bawah berkaitan pergaulan dalam islam


Jenis pergaulan	Huraian
M	Bermatlamatkan keimanan
N	Menjaga batasan aurat

11 M ialah _____

12 N ialah _____

Soalan 13 – 14

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul.




13 X ialah _____

14 Y ialah _____

Soalan 15 – 16

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul.



15 V ialah _____

16 W ialah _____

Soalan 17 hingga soalan 20

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul dan tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- 17 Kita harus menjaga batas-batas dalam pergaulan
- 18 Kita perlu mengamalkan sikap berlapang dada dan pemaaf
- 19 Sifat namimah ialah saling nasihat-menasihati.
- 20 Kita perlu menghulurkan bantuan kepada sesetengah orang sahaja

BAHAGIAN B

- 1 a i Senaraikan dua asas pergaulan di dalam Islam (2 markah)
- _____
- _____
- _____
- _____
- ii Jelaskan dua prinsip pergaulan yang disarankan oleh Islam. (4 markah)
- _____
- _____
- _____
- _____
- iii Terangkan dua adab pergaulan dalam Islam. (4markah]
- _____
- _____
- _____
- _____
- b i Islam menggalakkan pergaulan yang memberikan manfaat kepada umatnya dengan menggalakkan sifat-sifat mahmudah. (2markah]
- Berikan dua contoh sifat mahmudah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW.
- _____
- _____

- ii Berikan pandangan anda bagaimanakah cara untuk memupuk sifat mahmudah dalam kalangan masyarakat kita (4markah)

- c i Nyatakan dua cara untuk memupuk sifat mahmudah dalam kalangan masyarakat kita. (2 markah)

- ii Huraikan kepentingan prinsip pergaulan Islam. [2 markah]

TEMA 3 : SISTEM SOSIAL ISLAM

PELAJARAN 12 : HIBURAN DALAM ISLAM

Pengertian hiburan	Sesuatu perkara yang menghiburkan dan menggembirakan hati seseorang dengan kehendak syarak
Konsep hiburan dalam Islam	<ol style="list-style-type: none">1. Bertujuan mengagungkan Allah SWT dan mendidik jiwa.2. Berhibur selari dengan syariat Islam3. Meliputi aspek iman dan akhlak4. Hiburan sebagai memenuhi tuntutan fitrah manusia.5. Membangunkan potensi umat Islam dalam seni hiburan.
Adab dan Etika Hiburan	<ol style="list-style-type: none">1. Hiburan yang boleh meningkatkan keimanan.2. Hiburan yang tidak bercanggah dengan syarak.3. Hiburan yang berteraskan nilai akhlak Islam.4. Sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berhibur.5. Menghasilkan karya hiburan yang asli6. Berhibur secara sederhana dan tidak melampaui batas.7. Tiada unsur yang merosakkan akidah dan maksiat8. Tidak mengganggu atau menzalimi orang lain
Kepentingan Adab dan Etika Hiburan	<ol style="list-style-type: none">1. Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.2. Mengetahui batasan manusia dalam berhibur.3. Menjaga jiwa dan maruah diri4. Menghasilkan hiburan yang selari dengan nilai akhlak Islam.
Garis Panduan yang Ditetapkan dalam Berhibur	<ol style="list-style-type: none">1. Bertujuan untuk perkara kebaikan2. Betulkan niat untuk mengadakan program untuk mendapat keredaan Allah SWT.3. Memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat.4. Tiada pergaulan bebas antar lelaki dengan perempuan.5. Lirik lagu yang tidak bercanggah dengan hukum syarak.

PELAJARAN 12 : HIBURAN DALAM ISLAM BAHAGIAN A


Soalan 1 hingga soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan:

- 1 Islam membenarkan hambanya berhibur asalkan tidak bertentangan dengan _____ akhlak Islam.
- 2 Antara konsep hiburan dalam Islam ialah _____ sebagai memenuhi tuntutan _____ manusia.
- 3 Hiburan yang diajarkan dalam Islam mestilah yang boleh meningkatkan _____.
- 4 Sebagai seorang Muslim, kita mestilah sentiasa memelihara _____ wajib ketika berhibur.

Soalan 5 hingga soalan 7

Tuliskan jawapan yang betul berdasarkan carta di bawah



- 5 M ialah _____
- 6 N ialah _____
- 7 O ialah _____

Soalan 8 hingga soalan 11

Lengkapkan jadual di bawah mengenai konsep hiburan Islam

KONSEP HIBURAN ISLAM	
	P
	Q
	R
	Hiburan sebagai memenuhi tuntutan fitrah
	S

8

P ialah _____

9

Q ialah _____

10


R ialah _____

11

S ialah _____

Soalan 12 hingga soalan 14

Tulis jawapan yang betul berdasarkan carta di bawah



12

T ialah _____

13

U ialah _____

14

V ialah _____

Soalan 15 hingga soalan 18

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul dan tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- 15 Islam membenarkan umatnya berhibur selagi tidak bercanggah dengan kehendak syarak
- 16 Kepentingan adab dan etika hiburan ialah menjaga jiwa dan maruah diri.
- 17 Pihak penganjur perlu menyediakan kemudahan awam yang selesa tetapi tidak perlu menyediakan tempat solat.
- 18 Islam membenarkan lelaki dan perempuan berhibur dengan hiburan yang bertentangan dengan syariat Islam.

BAHAGIAN B

- 1 a i Nyatakan maksud hiburan menurut Islam. (2 markah)

- ii Jelaskan dua konsep hiburan dalam Islam. (4 markah)

- iii Terangkan **dua** adab dan etika ketika berhibur menurut Islam. (4 markah]

- b i Jelaskan dua kepentingan adab dan etika hiburan dalam kehidupan. (4 markah)



ii Apakah hukum hiburan di atas? (1 markah)

iii Berikan pandangan anda, sejauh manakah hiburan di atas menepati kehendak syariat. (5 markah)

TEMA 3: SISTEM SOSIAL ISLAM
PELAJARAN 13: KESENIAN MENURUT ISLAM

Pengertian kesenian Islam Aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak.

Pengertian Estetika Cabang falsafah yang mengkaji konsep berkaitan keindahan, cita rasa dan lain – lain.

Contoh kesenian dalam Islam

- Seni bina, khat/kaligrafi, seramik/arca/ukiran, lukisan/mural, seni reka fesyen, seni fotografi, muzik, filem/drama, tarian, senjata, nyanyian, penulisan.

<p>Konsep Kesenian Islam</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengagungkan Allah SWT • Berteraskan syariat Islam • Meliputi aspek iman dan akhlak • Bersifat menyeluruh meliputi fizikal dan kerohanian. • Membangun potensi umat Islam.
<p>Adab dan etika kesenian menurut Islam</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan. • Hasil seni yang tidak bercanggah dengan syarak. • Kesenian yang berteraskan nilai akhlak Islam. • Sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berkarya. • Mencipta karya yang asli. • Berkarya secara sederhana dan tidak melampaui batas. • Tiada unsur merosakkan akidah dan maksiat. • Tidak mengganggu atau menzalimi orang lain.
<p>Kepentingan Adab dan Etika Kesenian Menurut Islam</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengakui dan meyakini kekuasaan Allah SWT Yang Maha Berkuasa lagi Maha Menciptakan . • Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. • Memenuhi fitrah manusia yang menyukai keindahan selari dengan syarak. • Mengetahui batasan manusia dalam berkarya. • Memberi panduan dalam menghasilkan seni yang menepati nilai-nilai akhlak Islam. • Mempamerkan kecemerlangan tamadun Islam.

PELAJARAN 13: KESENIAN MENURUT ISLAM
BAHAGIAN A

Soalan 1 hingga soalan 2

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan.

- 1 Cabang falsafah yang mengkaji konsep berkaitan keindahan, cita rasa dan lain-lain.

- 2 Aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak.

Soalan 3 hingga soalan 7

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

- 3 Menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan _____.
- 4 Sentiasa memelihara ibadah _____ adalah salah satu daripada adab dan etika kesenian menurut Islam.
- 5 Kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam ialah mengetahui batasan manusia dalam _____.
- 6 Islam hanya menolak seni yang melanggar batasan agama dan _____.
- 7 Kesenian Islam bertujuan menzahirkan _____ dan kehalusan yang menepati syarak.

Soalan 8 hingga soalan 10

Berdasarkan jadual 1 di bawah, tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Konsep Kesenian Islam
A
Berteraskan syariat Islam
B
Bersifat menyeluruh meliputi fizikal dan kerohanian
C

Jadual 1

- 8 A ialah _____
- 9 B ialah _____
- 10 C ialah _____

Soalan 11 hingga soalan 15

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

- | | | |
|----|--|--------------------------|
| 11 | Pereka fesyen boleh mereka pakaian yang tidak memenuhi syariat Islam bagi memenuhi tuntutan pasaran selaras dengan konsep murunah. | <input type="checkbox"/> |
| 12 | Sesuatu kesenian itu dilarang jika terdapat unsur yang merosakkan akidah dan syariat. | <input type="checkbox"/> |
| 13 | Kepentingan menjaga adab dan kesenian Islam ialah dapat menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan | <input type="checkbox"/> |
| 14 | Islam tidak melarang kesenian. | <input type="checkbox"/> |
| 15 | Kesenian tidak dapat membangun potensi umat Islam. | <input type="checkbox"/> |

BAHAGIAN B

- 1 a i Nyatakan pengertian Kesenian Islam. [2 markah]

- ii Nyatakan maksud estetika. [2 markah]

- iii Jelaskan **dua** kepentingan menjaga adab dan etika kesenian Islam [4 markah]

- iv Terangkan **dua** adab dan etika kesenian menurut Islam. [4 markah]

- b i Apakah pandangan Islam tentang kesenian? [2 markah]

ii

Terdapat banyak karya seni lukis yang tidak menepati Adab dan Etika Kesenian menurut Islam.

[6 markah]

Kemukakan pendapat anda.

TASAWMUR ISLAM TINGKATAN 5

KANDUNGAN

TEMA 1 : SISTEM EKONOMI DAN KEWANGAN ISLAM

PELAJARAN 1 Sistem Ekonomi Islam

PELAJARAN 2 Sistem Kewangan Islam

TEMA 2 : SISTEM PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN ISLAM

PELAJARAN 3 Sistem Perundangan Islam

PELAJARAN 4 Sistem Kehakiman Islam

TEMA 3 : SISTEM PENTADBIRAN DAN PEMERINTAHAN ISLAM

PELAJARAN 5 Sistem Pentadbiran dan Pengurusan Islam

PELAJARAN 6 Sistem Pemerintahan Islam

PELAJARAN 1: Sistem Ekonomi Islam

TEMA 1: SISTEM EKONOMI DAN KEWANGAN ISLAM

1.1.1 Konsep Asas Sistem Ekonomi Islam

- **Ekonomi Islam** ialah ilmu bagi memenuhi keperluan ekonomi individu dan masyarakat berteraskan syariat.
- Bertujuan mencegah ketidakadilan dalam pemerolehan dan penggunaan sumberalam.

Asas Sistem Ekonomi Islam

- **Mengiktiraf** **pemilikan** harta individu.
- **Mengelola** **harta** yang dimiliki menurut syarak.
- **Mengagihkan** **harta** dalam kalangan masyarakat dengan adil.

Sumber Utama Sistem Ekonomi Islam

- Al-Quran
- Al-Hadis
- Al-Ijmak
- Al-Qias

1.1.2 Prinsip-prinsip Asas Sistem Ekonomi Islam

1. Akidah, syariah dan akhlak Islam sebagai teras

- Penghayatan iman, hari akhirat serta patuhi syariat dalam kegiatan ekonomi.
- Mengamalkan akhlak Islam dalam kegiatan ekonomi.

2. Manusia sebagai Khalifah

- Allah SWT pemilik segala-galanya, manusia sebagai pemegang amanah.
- Makhluks-makhluks lain dicipta untuk memenuhi keperluan manusia.

3. Pekerjaan dan ganjaran

- Manusia perlu bekerja dan berusaha bagi menjana pendapatan.
- Penglibatan dalam kegiatan ekonomi dikira sebagai ibadat dan majikan perlu beri ganjaran yang setimpal.

4. Keuntungan dan kerugian

- Keuntungan dan kerugian

dalam ekonomi adalah perkara

- lumrah (biasa).
- Mekanisme mudharabah dan musyarakah digalakkan bagi penuhi prinsip ini. (kongsi modal dan kepakaran untuk berniaga)

5. Keadilan sosial

- Kegiatan ekonomi mesti membawa keadilan sosial kepada semua lapisan masyarakat.
- Keperluan asasi manusia seperti makanan dan tempat tinggal dijaga dan terpelihara.

6. Larangan kerosakan dan kezaliman

- Sebarang bentuk kerosakan kepada manusia atau alam sekitar hendaklah dielakkan.
- Islam mengharamkan penindasan, penipuan, eksploitasi, pencemaran alam dan pembaziran dalam kegiatan ekonomi.

1.1.3 Konsep Pemilikan Harta dan Matlamatnya

- Pemilikan harta dalam Islam bermaksud sesuatu yang dikurniakan Allah SWT kepada manusia untuk dimiliki dan dimanfaatkan menurut syarak.
- Contoh tanah, rumah, kenderaan dan lain-lain

Asas Pemilikan Harta

- Allah SWT pemilik harta yang sebenar. Manusia sebagai pemegang amanah.
- Allah SWT tetapkan cara pemilikan harta yang sah seperti jual beli dan haramkan riba.
- Manusia diperintah berusaha untuk memiliki harta bagi penuhi keperluan hidup.
- Allah SWT tetapkan cara berbelanja secara berhemat seperti dilarang membazir/bakhil.

Jenis Pemilikan Harta

1. Hak Milik Individu

- Islam benarkan pemilikan **secara individu** yang diperoleh secara sah menurut syarak. Contohnya rumah, kereta dan sebagainya.
- Semua individu diberi peluang memperbaiki taraf hidup melalui pemilikan tersebut.

2. Hak Milik Umum

- Pemilikan **secara bersama** oleh anggota masyarakat terhadap sumber, barangan dan perkhidmatan. Contohnya laut, sungai dan udara.
- Tujuan hak milik umum ialah untuk menjaga kebajikan dan keharmonian masyarakat.

3. Hak Milik Negara

- Harta hak milik umum yang **diurus kerajaan** untuk kepentingan awam selaras dengan tuntutan agama. Contohnya bangunan kerajaan, hasil hutan dan galian.
- Negara perlu hak milik ini untuk dapatkan hasil bagi kemakmuran rakyat.

Matlamat Pemilikan Harta

- Mendapat keberkatan dan rahmat Allah SWT kerana patuhi syariat.
- Menjamin keselamatan hidup di dunia dan akhirat.
- Membangunkan ekonomi umat Islam.
- Mengelakkan daripada berlakunya penindasan dan kezaliman.

1.1.4 Peranan Pekerjaan

- Pekerjaan ialah satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta secara halal.

Peranan Pekerjaan

- Memenuhi tuntutan ibadah kepada Allah SWT.
- Menunaikan tanggungjawab bagi memenuhi keperluan asasi kehidupan individu dan keluarga.
- Meningkatkan taraf sosioekonomi individu, masyarakat dan negara.
- Meningkatkan pembangunan ekonomi negara.

Islam dan Pekerjaan

1. Ciri-ciri pekerjaan dalam Islam

- Pekerjaan yang halal seperti guru.
- Menurut kehendak syariat agar diberkati Allah.
- Menjaga ketenteraman awam seperti polis.
- Memastikan keselamatan diri dan orang lain seperti doktor.
- Mengambil berat tentang ibadah seperti tidak meninggalkan solat fardu. Sebab Islam menuntut umatnya bekerja
- Merupakan ibadah yang diberi pahala.
- Memudahkan umatnya beribadat seperti bersedekah dan berzakat.
- Memenuhi keperluan hidup seperti makanan dan tempat tinggal.

- Penghormatan daripada masyarakat kerana ada sikap tanggungjawab.
- Peroleh keberkatan kerana laksanakan ibadah.

2. Kebaikan bekerja

- Mendapat keredaan dan keberkatan daripada Allah SWT.
- Mencari rezeki yang halal untuk sara diri dan keluarga.
- Mampu berdikari tanpa perlu minta belas ihsan orang lain.
- Meningkatkan taraf hidup kerana ada pendapatan.
- Mengurangkan masalah pengangguran dan meningkatkan ekonomi negara.

3. Etika Kerja Islam

- Ikhlas kerana Allah SWT.
- Amanah ketika bekerja seperti tidak menipu.
- Tekun bekerja supaya hasil diberkati Allah.
- Akur arahan ketua yang tidak bertentangan syarak.
- Bekerjasama untuk tingkatkan produktiviti yang berkualiti.
- Berdisiplin seperti tepati masa.

Kesan pekerjaan yang halal

Individu

- Diberkati Allah SWT kerana ikut syariat.
- Dihormati masyarakat kerana kerja halal.

Masyarakat

- Masyarakat sejahtera kerana diberkati Allah.
- Masyarakat maju kerana ekonomi yang adil.

Negara

- Negara menjadi aman dan sejahtera.
- Negara menjadi contoh kepada negara lain.

Kesan pekerjaan yang haram

Individu

- Dilaknat Allah SWT kerana ingkari syariat.
- Dibenci masyarakat kerana kerja yang buruk.

Masyarakat

- Masyarakat huru-hara kerana dilaknat Allah.
- Masyarakat mundur kerana kegiatan ekonomi dicemari unsur negatif.

Negara

- Negara kucar-kacir
- Imej negara tercemar

Implikasi hidup tanpa

pekerjaan

Individu

- Jiwa resah kerana kesempitan wang.
- Dibenci masyarakat kerana sering meminta.

Masyarakat

- Berlaku masalah sosial seperti budaya lepak.
- Berlaku masalah jenayah seperti mencuri.

Negara

- Merugikan tenaga kerja yang boleh menyebabkan ekonomi merosot.
- Ekonomi merosot disebabkan hilang sumber pendapatan.

1.1.5 Kepentingan Melaksanakan Tuntutan Ekonomi Islam

Keistimewaan Sistem Ekonomi Islam

- Sistem yang lengkap dan menyeluruh berpandukan wahyu Allah SWT.
- Bermotifkan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.
- Menggabungkan antara aktiviti ekonomi dengan akidah Islam.
- Berteraskan nilai dan akhlak Islam.
- Memberi keutamaan kepada pengeluaran barangan asas (**dharuriyat**) dan keperluan (**hajiyyat**) berbanding barangan mewah (**tahsiniyyat**).

Kesan Pengabaian Sistem Ekonomi Islam

- Matlamat negara yang baik dan mendapat pengampunan Allah SWT tidak akan tercapai.
- Amalan riba berleluasa menyebabkan golongan kaya semakin kaya, orang miskin tertindas.
- Nilai moral terhakis kerana gejala rasuah, penipuan dan eksploitasi ekonomi berleluasa.

1.1.6 Tindakan kepada Penyelesaian Persoalan Ekonomi Umat Islam

- Pengagihan harta secara tidak adil. Harta tertumpu pada kelompok atasan sahaja.
- Ekonomi negara akan hancur dan keharmonian masyarakat akan terjejas.

Sistem Ekonomi Konvensional

- Sistem ekonomi yang ditentukan oleh manusia dan tidak

mempunyai piawaian (peraturan) yang mutlak.

- Bersifat anjal (boleh berubah) mengikut ketentuan masyarakat.

1. Kapitalis

- Berpaksikan akal fikiran manusia semata-mata.
- Berasaskan kebebasan mutlak individu (Laissez Faire).
- Sistem berasaskan amalan riba (bunga).

Berlaku ketidakadilan sosial dengan wujud jurang besar antara orang kaya dan miskin.

- Contoh negara: Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis dan Jepun.

2. Komunis

- Muncul akibat ketidakadilan pengagihan harta dalam masyarakat.
- Keputusan ekonomi dibuat pemerintah.
- Pemilikan individu ke atas faktor pengeluaran dihapuskan.
- Semua diserahkan dan dimiliknegerakan secara total demi kepentingan rakyat.
- Contoh negara: Korea Utara, Laos dan Cuba.

3. Sosialis

- Hasil pemikiran antara dasar kapitalis dengan komunis.
- Pemilikan individu dibuka dalam skop terhad.
- Keperluan individu ditentukan oleh mutu kerja yang disumbangkannya.
- Sistem riba dikekalkan.
- Contoh negara: Venezuela

4. Campuran

- Campuran antara sistem ekonomi yang mendokong kebebasan dengan sistem sosialis.
- Ekonomi dibangunkan bersama-sama antara pemerintah dan pihak swasta.
- Pemerintah melakukan pengawasan dan campur tangan dalam perekonomian, namun pihak swasta masih diberi kebebasan.
- Contoh negara: Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand.

* Negara China: Sistem pemerintahan komunis tetapi sistem ekonomi berbentuk 'pasaran bebas.

Bentuk-bentuk ketidakadilan dalam ekonomi

- Mengamalkan riba dalam memberi pinjaman.
- Menipu dalam sukatan dan timbangan.
- Memberi rasuah dan menerima rasuah.
- Menganggur dan tidak mahu bekerja.
- Melanggar hak cipta.

PELAJARAN 1
SISTEM EKONOMI
ISLAM
BAHAGIAN A
[20 MARKAH]

Soalan 1 hingga 4

Tuliskan istilah yang betul bagi perkara berikut dengan memilih jawapan yang sesuai.

1. Ilmu yang digunakan oleh manusia bagi memenuhi Keperluan ekonomi berteraskan aturan syariat Islam.
2. Ilmu tentang asas-asas pengeluaran, pembahagian, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan serta isu kewangan.
3. Sesuatu yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hambaNya untuk dimiliki dan dimanfaatkan menurut kehendak syarak.
4. Satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta dengan cara yang halal.

Soalan 5 hingga 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan yang disediakan.

5. Ekonomi Islam berkonsepkan _____ ketidakadilan dalam pemerolehan dan penggunaan sumber alam.
6. Sistem ekonomi Islam mengiktiraf _____ harta individu.
7. Dalam sistem ekonomi Islam, pengagihan harta dalam kalangan masyarakat dilakukan secara _____.
8. Pengelolaan harta menurut sistem ekonomi Islam hendaklah mengikut kehendak _____.

Soalan 9 hingga 10

Lengkapkan jadual berkaitan sumber utama sistem ekonomi Islam.

9. Menghubungkan hukum yang tidak ada kepada hukum yang ada kerana bersamaan illat.
10. Kalam Allah SWT yang bermukjizat diturunkan melalui Malaikat Jibril


Soalan 11 hingga 13

Lengkapkan jadual berikut tentang jenis pemilikan harta.

Jenis Pemilikan Harta	Keterangan
P	Harta yang diuruskan oleh kerajaan untuk kepentingan awam selaras dengan tuntutan agama dan keperluan.
Q	Pemilikan secara bersama oleh anggota masyarakat terhadap sesuatu sumber, barangan atau perkhidmatan.
R	Islam membenarkan pemilikan harta secara individu yang diperolehi dengan cara yang sah menurut syarak.

11. **P** ialah _____
12. **Q** ialah _____
13. **R** ialah _____

Soalan 14 hingga 15




14. **R** ialah _____

15. **S** ialah _____

Soalan 16 hingga 17

Lengkapkan rajah berikut berkaitan dengan sistem ekonomi konvensional.



16. **T** ialah _____

17. **U** ialah _____

Soalan 18 hingga 20

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

18. Sistem ekonomi Islam memberi keutamaan kepada pengeluaran barangan asas berbanding barangan mewah.

19. Mengambil berat tentang ibadah ketika bekerja merupakan etika kerja Islam.

20. Bekerja merupakan satu ibadah yang diberikan ganjaran pahala.

BAHAGIAN B

- 1.(a) i. Senaraikan **dua** sumber utama sistem ekonomi Islam. [2 markah]

- ii. Jelaskan dua prinsip asas sistem ekonomi Islam. [4 markah]

- ii. Terangkan **dua** matlamat pemilikan harta. [4 markah]

- (b) i. Jelaskan **dua** kesan pekerjaan yang halal kepada individu. [4 markah]

- ii. Dalam suasana pandemik covid 19, isu pembuangan pekerja merupakan isu utama yang boleh menjejaskan ekonomi dan keharmonian masyarakat. Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan cara Islam menyelesaikan isu ini. [6 markah]

TEMA 1: SISTEM EKONOMI DAN KEWANGAN ISLAM

PELAJARAN 2: Sistem Kewangan

1.2.1 Konsep Asas Muamalat dalam Islam

- **Muamalat** bermaksud hubungan antara manusia dengan manusia dalam kehidupan (kekeluargaan, ekonomi, politik dan sebagainya)
- **Muamalat** dalam **sistem kewangan** bermaksud tatacara urusan harian sesama manusia dalam memenuhi keperluan hidup yang melibatkan transaksi kewangan (berlandaskan syariat).

Matlamat muamalat

- Mengawal manusia dalam mengurus ekonomi dan kewangan agar lahir masyarakat yang aman harmoni.

Prinsip-prinsip Muamalat Islam

- Kerelaan dalam mengurus niaga.
- Tiada elemen haram seperti riba, gharar (ketidakpastian) dan perjudian.
- Urus niaga tidak membawa kepada kerosakan struktur ekonomi dan sosial masyarakat.

Ciri-ciri Muamalat Islam

- Bersumberkan al-Quran dan Hadis.
- Reda-meredai antara kedua belah pihak.
- Adil dan mendatangkan manfaat.
- Tidak melakukan penipuan.

1.2.2 Jenis-jenis Muamalat Islam dan cara-cara pelaksanaannya

1. **Al-Wadiah** (Mewakikan suatu barangan atau harta yang berharga kepada pihak lain untuk disimpan dan diuruskan. Contoh Haqiem mendepositkan wangnya di bank untuk disimpan)
2. **Al-Mudarabah** (Pelaburan. Pelabur memberikan modal kepada pihak tertentu (pengusaha) untuk diperniagakan. Hasil keuntungan dibahagikan mengikut perjanjian. Contoh pelajar dan guru melabur di koperasi sekolah)
3. **Al-Murabahah** (jual beli ambil untung @jualan penambahan

untung. Akad jual beli di mana penjual menyatakan kos dan keuntungan yang dikehendakinya. Contoh penjual menjual tanah 100k dengan mengambil untung 10k)

4. **Al-Musyarakah** (Syarikat-Suatu akad antara 2 orang atau lebih untuk berkongsi modal dan untung/rugi dalam suatu kegiatan ekonomi. Contoh Aiman dan Razak berkongsi modal dan usaha untuk menjalankan perniagaan 'Produk Makanan Segera' Halal)
5. **Al-Rahn** (Gadaian. Menjadikan suatu barangan yang berharga sebagai cagaran bagi suatu hutang. Contoh Puan Nana mencagarkan barangan kemasnya untuk meminjam wang dari bank)
6. **Al-Ijarah** (Sewa-menyewa. Perjanjian yang membolehkan seseorang ambil manfaat atau faedah dari hak milik orang lain dengan bayaran tertentu. Contoh sewa premis kedai untuk membuka perniagaan komputer)
7. **Al-Bai' Bithaman Ajil** (Jualan dengan bayaran tertangguh @ membeli suatu barangan dengan bayaran secara ansuran. Contoh membeli sebuah motosikal Y15 dengan bayaran sebanyak RM400 sebulan selama 3 tahun)
8. **Al-Takaful** (Insuran Islam. Pelan perlindungan berdasarkan prinsip syariah melalui caruman wang. Akan diberi kepada pihak yang ditimpa musibah atau kemudaratan. Pemberian atas dasar ta'awun dan tabarru'. Contoh seorang lelaki menyertai skim takaful bagi melindungi kenderaannya jika ditimpa kemalangan).
9. **Persamaan antara jenis-jenis Muamalat, Simpanan dan Pelaburan**
 - Al-Wadiah
 - Al-Mudarabah
 - Al-Musyarakah
10. **Kontrak jual beli**
 - Al-Murabahah
 - Al-Bai' bithaman ajil
11. **Membantu orang yang memerlukan pembiayaan tunai segera.**
 - Al-Rahnu
 - Al-Ijarah

1.2.3 Peranan Institusi Kewangan Islam dalam Mengurus Muamalat

- Institusi kewangan Islam ialah badan atau agensi milik kerajaan dan swasta.
- Mereka mengutip sumber kewangan dan mengagihkannya mengikut muamalat Islam.
- Zaman Nabi Muhammad SAW telah wujud institusi kewangan Islam contohnya Baitulmal. Diwujudkan bagi mengumpul harta negara seperti zakat, jizyah, ghanimah dan fai'.

Institusi Kewangan Islam di Malaysia

1. Perbankan Islam

- Diwujudkan untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan perbankan patuh syariah.
- Mempromosi produk-produk kewangan Islam.
- Contohnya Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Rakyat, Maybank Islamic dan Agro Bank.

2. Tabung Haji

- Badan berkanun dibawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535).
- Menyediakan kemudahan menyimpan wang untuk menunaikan haji bagi pendeposit.
- Menjalankan aktiviti pelaburan bagi memberi nilai tambah/dividen kepada pendepositnya.

3. Takaful (Insurans Islam)

- Menyediakan sistem perlindungan yang patuh syariah dalam Insurans Islam.
- Persediaan bagi menghadapi musibah dan malapetaka seperti kemalangan, kecederaan, kematian, sakit kritikal dan sebagainya.
- Contohnya Takaful Malaysia, Takaful Ikhlas, Takaful Etiqa dan Takaful BSN Prudential.

4. Zakat

- Ditubuhkan untuk mewujudkan sistem pengurusan zakat yang lebih sistematik.
- Mengagihkan zakat dengan lebih efisien dan adil kepada asnaf zakat.
- Contohnya Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Pusat Urusan Zakat (PUZ) Pulau Pinang.

5. Wakaf

- Pengurusan dan pentadbiran wakaf diletakkan di bawah Majlis Agama Islam setiap negeri (pemegang tunggal harta wakaf di Malaysia).
- Pemegang amanah semua harta wakaf yang berdaftar.

6. Baitulmal

- Berfungsi mengurus harta orang Islam yang ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri.
- Menerima pelbagai sumber kewangan dan harta seperti zakat, harta wakaf, cukai dan lain-lain.
- Membahagikan semula manfaatnya kepada rakyat secara adil.

1.2.4 Kepentingan Pelaksanaan Muamalat Islam dan Pengurusan Institusi Kewangan Islam dalam Kehidupan

1. Kepentingan Pelaksanaan Muamalat Islam:

Individu

- Mendapat manfaat dari sudut ganjaran pahala kerana bermuamalah secara Islam.
- Memperoleh jaminan keadilan dalam sistem kewangan Islam.

Masyarakat

- Dapat saling mengenali dan mengeratkan silaturahim.
- Dapat saling bantu-membantu melalui sistem ta'awun dan tabarru'.

Negara

- Ekonomi negara dalam keadaan baik dan diredai Allah SWT.
- Pendapatan dan pengagihan harta dapat di buat dengan lebih efisien.

2. Keburukan tidak bermuamalat dengan muamalat Islam

Individu

- Dilaknat oleh Allah SWT kerana ingkari syariat.
- Jiwa jadi resah kerana takut ditipu.
- Dibenci masyarakat kerana menindas.
- Melahirkan individu yang tamak.

Masyarakat

- Masyarakat berpecah belah dan hilang semangat tolong-menolong.
- Masyarakat tidak aman kerana berlaku permusuhan.
- Berlaku penindasan dalam masyarakat seperti riba.
- Masyarakat akan bersikap prejudis antara satu sama lain.

Negara

- Ekonomi negara merosot kerana tidak diberkati Allah SWT.
- Wujud jurang ekonomi yang ketara antara golongan kaya dan miskin.
- Negara akan terjebak dalam krisis hutang yang tinggi akibat sistem riba.
- Para pelabur kurang yakin untuk melakukan pelaburan dalam negara.

1.2.5 Amalan Muamalat dan Aktiviti Kewangan Islam

- Berjual beli dengan jujur dan amanah (al-Bai')
- Sewa-menyewa dengan kontrak yang dipersetujui bersama (al-Ijarah)
- Mendapatkan pembiayaan dengan serahan barang cagaran (al-Rahn).
- Membuka akaun simpanan menggunakan sistem perbankan Islam (al-Wadiah).
- Menggunakan produk Insurans Islam dalam kehidupan (at-Takaful).
- Melabur wang dalam skim pelaburan patuh syariah (al-Mudarabah)

Langkah-langkah menggalakkan masyarakat bermuamalat dengan muamalat Islam

- Memberi didikan agama khususnya berkaitan ekonomi dan kewangan Islam dalam sistem pendidikan Islam.
- Memberikan penerangan melalui media massa supaya masyarakat tahu kebaikan bermuamalat dengan muamalat Islam.
- Mengembangkan kemudahan perbankan Islam secara menyeluruh.
- Mengemaskini sistem muamalat Islam supaya boleh menarik minat masyarakat untuk memilih perbankan Islam.

PELAJARAN 2
SISTEM KEWANGAN ISLAM
BAHAGIAN A
[20 MARKAH]

Soalan 1 hingga 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

1. Muamalat dalam sistem kewangan Islam ialah_____urusan harian sesama manusia dalam memenuhi keperluan melibatkan transaksi kewangan berlandaskan syariat Islam.
2. Mengawal manusia dalam menguruskan sistem ekonomi dan kewangan merupakan muamalat Islam.
3. Prinsip muamalat Islam ialah mesti wujud_____dalam mengurus niaga.
4. Antara ciri muamalat Islam ialah hendaklah ianya_____dan mendatangkan manfaat.

Soalan 5 hingga 8

Tulis istilah yang betul dengan pernyataan berikut dalam ruangan kosong yang disediakan.

- | | |
|--|--|
| 5. Hubungan di antara manusia dengan manusia lain dalam segenap segi kehidupan. | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |
| 6. Tolong menolong antara rakan peserta skim takaful yang ditimpa musibah tertentu. | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |
| 7. Cukai yang dikenakan kepada orang bukan Islam yang menetap dan berlindung dalam sebuah negara Islam. | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |
| 8. Badan atau agensi milik kerajaan dan swasta yang mengutip sumber kewangan dan mengagihkannya mengikut muamalat Islam. | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |

Soalan 9 hingga 10

Lengkapkan jadual berkaitan muamalat Islam dengan menulis [P] bagi prinsip muamalat Islam atau [C] bagi ciri muamalat Islam.

	[P] / [C]	Penyataan
9.		Tiada elemen gharar, riba dan judi.
10.		Redha meredhai dalam urusan di antara kedua-dua pihak.

Soalan 11 hingga 12

Lengkapkan jadual berikut berkaitan jenis muamalat.

JENIS MUAMALAT	CARA PELAKSANAAN
R	Zainol mengamanahkan wangnya kepada pihak bank untuk disimpan dan pihak bank pula memberikan jaminan akan mengembalikan wang apabila diminta.
S	Muhammad selaku pemilik rumah dengan rela melakukan akad membenarkan Abdullah tinggal di rumah tersebut dengan bayaran RM300 sebulan.

11. **R** ialah _____

12. **S** ialah _____

Soalan 13 hingga 15

Lengkapkan rajah berikut berkaitan persamaan di antara muamalat.

Persamaan	Jenis Muamalat	
Simpanan dan Pelaburan	13.	
	Al-Mudarabah	
	Al Musyarakah	
Kontrak Jual Beli	Al-Bai' bithaman Ajil	
	14.	
Membantu Orang Yang Memerlukan Pembiayaan atau Perkhidmatan	Al-Ijarah	
	15	

Soalan 16 hingga Soalan 20

Tandakan (√) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

16. Al-Wadi'ah ialah simpanan pemilik dijamin dan dijanjikan dengan keuntungan.
17. Ar-Rahnu ialah pembiayaan wang dengan menjadikan barang berharga sebagai cagaran.
18. Pelabur memberikan modal kepada pengusaha untuk diniagakan dan keuntungan dibahagikan sama rata adalah maksud al-Murabahah.
19. Al-Musyarakah ialah akad di antara dua orang atau lebih untuk berkongsi modal dan keuntungan dalam sesuatu perniagaan.
20. Al Mudarabah ialah situasi pemodal berpotensi mendapat keuntungan yang tinggi namun berisiko menerima kerugian yang tinggi.

BAHAGIAN B

2. (a) i. Senaraikan dua jenis muamalah dalam Islam. (2 markah)

- ii. Jelaskan dua ciri muamalat Islam. (4 markah)

- iii Huraikan perbezaan jenis muamalat Al-Wadi'ah dan Al-Mudharabah. (4 markah)

- (b) i. Apakah yang dimaksudkan dengan institusi kewangan Islam? (2 markah)

- ii. Senaraikan **dua** institusi kewangan Islam yang terdapat di Malaysia. (2 markah)

Tema 2: SISTEM PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN ISLAM

PELAJARAN 3: SISTEM PERUNDANGAN ISLAM

2.1.1 Konsep Asas Sistem Perundangan Islam.

Maksud Sistem Perundangan Islam ialah Hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada yg berkaitan dengan akidah, ibadat, akhlak, muamalat, munakahat dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Sumber utama Sistem Perundangan Islam

- Al –Quran.
- Al–Hadis.
- Al –Ijmak.
- Al –Qias.

Asas Sistem Perundangan Islam

a.Pencegahan :

- Mencegah berulangnya perbuatan jenayah.
- Memberi amaran kepada mereka yang berniat untuk melakukan kesalahan.

b.Pembalasan :

- Membalas perbuatan jahat dengan hukuman yang adil.
- Mengelak wujudnya perasaan dendam.

c.Pemulihan :

- Mendidik pesalah supaya insaf daripada kesalahan.
- Mengubah diri supaya taat kepada ajaran agama.

2.1.2 Keunggulan Sistem Perundangan Islam

- Ciptaan Allah SWT yang bersih daripada sebarang kelemahan, kekurangan dan dorongan hawa nafsu.
- Lengkap merangkumi semua aspek kehidupan manusia.
- Hukuman yang adil tanpa mengira pangkat dan keturunan.
- Sesuai untuk semua manusia tanpa mengira kaum, tempat dan zaman.
- Bersifat tetap dan kekal sehingga hari kiamat tanpa berlaku perubahan.
- Hukuman bersifat memberi pengajaran supaya penjenayah tidak mengulangi kesalahan yang sama.
- Mendidik jiwa manusia supaya takut akan pembalasan Allah SWT.

2.1.3 Matlamat Sistem Perundangan Islam

- Memelihara agama.
- Memelihara Nyawa
- Memelihara Akal.
- Memelihara Keturunan.
- Memelihara Akal.

Cara Islam Memelihara Agama

- Menyuruh umatnya patuh kepada perintah Allah SWT supaya hidup diberkati.
- Menyuruh umatnya menjauhi larangan Allah SWT untuk mengelakkan dosa.
- Melarang perbuatan syirik supaya akidah terpelihara.

Cara Islam Memelihara Nyawa

- Menyuruh umatnya menjaga kesihatan diri seperti makan makanan yang halal dan baik.
- Melarang umatnya terlibat dengan kegiatan yang membahayakan diri seperti lumba haram.
- Melarang perbuatan bunuh diri dan oranglain kerana ia berdosa besar.
- Mensyariatkan hukuman qisas kepada pembunuh supaya wujud keadilan.

Cara Islam Memelihara Akal

- Menyuruh umatnya menuntut ilmu supaya pemikiran berkembang.
- Melarang umatnya melakukan perkaraygmerosakkan akal seperti membaca bahan lucah.
- Melarang perbuatan minum arak dan menyalahgunakan dadah kerana perkara tersebut boleh merosakkan akal.
- Mensyariatkan hukuman sebat 40 kali kepada peminum arak supaya timbul keinsafan.

Cara Islam Memelihara Keturunan

- Mensyariatkan perkahwinan untuk melahirkan zuriat yang sah.
- Menetapkan golongan wanita yg haram dinikahi : Haram berkahwin dengan ibu, adik - beradik perempuan dan sbgnya.
- Melarang perbuatan zina, liwat, lesbian dan gay kerana boleh merosakkan keturunan.
- Mensyariatkan hukuman sebat **100 kali** (penzina belum berkahwin) atau rejamsampaimati (penzina sudah berkahwin) supaya masyarakat mengambil iktibar.

Cara Islam Memelihara Harta

- Menyuruh umatnya menuntut ilmu supaya pemikiran berkembang.
- Melarang umatnya melakukan perkaraygmerosakkan akal seperti membaca bahan lucah. Melarang perbuatan minum arak dan menyalahgunakan dadah

kerana perkara tersebut blh merosakkan akal.

- Mensyariatkan hukuman sebat 40 kali kepada peminum arak supaya timbul keinsafan.

Cara Merealisasikan Sistem Perundangan Islam dalam Kehidupan

- Mengamalkan cara hidup Islam supaya diberkati.
- Berpegang teguh dengan peraturan Allah SWT kerana Allah SWT Maha Mengetahui perkara yang terbaik untuk manusia.
- Melaksanakan segala perintah Allah SWT seperti menunaikan solat 5 waktu.
- Meninggalkan segala larangan Allah SWT supaya hidup tidak terpesong daripada kebenaran.
- Sentiasa mengamalkan akhlak mulia supaya kehormatan diri terpelihara.

2.1.4 Kepentingan melaksanakan Sistem Perundangan Islam dalam Kehidupan.

- Menjaga akidah umat Islam daripada terpesong seperti tiada unsur syirik, kufur dan sebagainya.
- Menjamin keselamatan diri daripada perbuatan yang membahayakan nyawa.
- Memastikan akal manusia terpelihara daripada perkara yang merosakkan pemikiran.
- Melahirkan zuriat halal daripada perkahwinan yang mengikut syarak.
- Memperoleh harta secara halal tanpa berlaku pencerobohan harta.
- **Syirik:** Perbuatan menyekutukan Allah SWT dalam sebarang bentuk sama ada melalui perbuatan, perkataan dan iktikad dengan menjadikan sesuatu yang lain sekutu bagi Allah SWT.

Kesan Pengabaian Pelaksanaan Sistem Perundangan Islam.

- Merosakkan akidah kerana berlaku perkara syirik, kufur dan sebagainya.
- Mengancam keselamatan nyawa : Berlaku jenayah bunuh.
- Merosakkan akal melalui perbuatan minumarak dan penagihan dadah.
- Merosakkan keturunan manusia : Kelahiran anak luar nikah.
- Mewujudkan sistem ekonomi haram seperti riba dan rasuah.

Tindakan Pematuhan Perundangan Islam dlm Kehidupan

a. Mempelajari ilmu agama.

- Memantapkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.
- Mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang merosakkan akidah.

b. Memakan makanan yang halal.

- Membentuk akal fikiran dan minda yang cerdas.
- Menjamin kesihatan tubuh badan daripada jangkitan penyakit.

c. Memakai pakaian yang menutup aurat.

- Menjaga maruah diri.
- Menjauhkan diri daripada maksiat dan kemungkaran.

d. Mematuhi undang-undang jalanraya

- Menjaga keselamatan Ketika menaiki kenderaan.
- Mengelakkan kecederaan parah jika ditimpa kemalangan.

e. Mengamalkan mumalat Islam.

- Memperolehi harta yang halal.
- Mengelakkan amalan rasuah dan pecah amanah.

PELAJARAN 3
SISTEM PERUNDANGAN ISLAM

Bahagian A
(15 Markah)

Soalan 1 – 4

Tuliskan istilah yang betul bagi perkara berikut.

1. Keputusan yang telah diputuskan oleh mahkamah dalam sesuatu perbicaraan berdasarkan hujah dan bukti yang jelas.

2. Hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah kepada manusia yang merangkumi aspek aqidah, syariat, akhlak dan sebagainya.

3. Kefahaman hukum amali yang diijtihadkan oleh para mujtahid yang diambil daripada dalil-dalil syarak.

4. Dalil yang berdasarkan nas al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qias.

Soalan 5 – 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.

5. Hukuman yang dikenakan kepada penjenayah adalah sebagai _____ bagi berulangnya perbuatan jenayah tersebut.


6. Allah mewajibkan umat Islam supaya sentiasa beramal dengan segala _____ yang diturunkan oleh Allah.

7. Islam mengharamkan perbuatan _____ diri sendiri atau orang lain.

8. Kepentingan melaksanakan perundangan Islam untuk kes _____ jenayah yang berlaku dalam negara.

Soalan 9 hingga soalan 11

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.



Soalan 12 hingga 15

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (x) pada pernyataan yang salah.

- 12. Cara melaksanakan perundangan Islam ialah mengadili kes-kes jenayah yang berlaku dalam Negara.
- 13. Antara sumber perundangan Islam ialah Al-Quran, Al-Ijmak dan Al-Qias
- 14. Perundangan Konvensional bersifat universal.
- 15. Kepentingan memelihara agama untuk menjamin keselamatan diri daripada perbuatan membahayakan nyawa


BAHAGIAN B

1. (a) i. Apakah maksud perundangan Islam? [2markah]

- ii. Jelaskan dua asas sistem perundangan Islam . [4markah]

- (b) i. Jelaskan dua cara yang dapat dilakukan bagi merealisasikan Sistem Perundangan Islam dalam kehidupan. [4markah]

- ii. Huraikan dua kesan pengabaian pelaksanaan Sistem Perundangan Islam. [4markah]



(c) i. Apakah hukum menerima wang suapan seperti di atas. [1 markah]

ii. Mengapakah situasi ini berlaku, dalam kalangan individu berjawatan tinggi walaupun mereka ialah golongan cerdik pandai dan mengetahui perbuatan tersebut menyalahi perundangan Islam? Berikan pandangan. [5 markah]

PELAJARAN 4: Sistem Kehakiman Islam

2.2.1 Konsep Asas Sistem Kehakiman Islam

- Kehakiman atau al-Qadha' dari segi **bahasa** bermaksud menghukum, menyelesaikan, menetapkan, memutuskan dan mencegah.
- Dari segi **syarak** pula bermaksud menyelesaikan pertikaian atau tuntutan antara dua belah pihak atau lebih melalui proses undang-undang berdasarkan hukum syarak.

Kehakiman pada zaman Rasulullah SAW

- Rasulullah SAW berperanan sebagai ketua hakim. Kes-kes diselesaikan sendiri oleh baginda.
- Apabila wilayah Islam semakin luas, maka dilantik beberapa orang sahabat sebagai gabenor merangkap hakim.
- Antaranya ialah perutusan Sayidina Ali bin Abi Talib r.a dan Muaz bin Jabal r.a

Kehakiman pada zaman Khulafa' ar-Rasyidin

- Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a meneruskan kuasa kehakiman seperti zaman Rasulullah SAW
- Semasa zaman Sayidina Umar bin al-Khattab r.a ditubuhkan badan khas bagi mentadbir urusan kehakiman.
- Pada zaman Sayidina Uthman bin Affan r.a, beliau telah memberi saraan (gaji) kepada hakim dari hasil peruntukan baitulmal.
- Sayidina Ali bin Abi Talib r.a mengekalkan hakim yang dilantik oleh Sayidina Uthman bin Affan r.a.

3. Membela orang yang dizalimi

- Sistem kehakiman Islam sangat mengambil berat terhadap orang yang dizalimi demi menegakkan keadilan agar maruah, harta benda dan nyawa dikembalikan haknya.

2.2.3 Jenis Kesalahan Jenayah dan Hukumannya

Klasifikasi Hukuman Jenayah dalam Islam

1. Hudud

- Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah SWT. Kesalahan ini adalah kesalahan berat.
- Manusia tidak mempunyai hak untuk menambah atau mengurangkan

hukuman tersebut setelah disabitkan.

Kesalahan	hukuman
Zina	Belum kahwin: Disebat 100 kali. Telah kahwin: Direjam sampai mati.
Qazaf	Disebat 80 kali.
Minum arak	Disebat 40 kali.
Mencuri	Dipotong pergelangan tangan. Nisab jenayah mencuri ialah $\frac{1}{4}$ dinar bersamaan 1.06 gram emas.

Prinsip-prinsip Kehakiman Islam:

1. Merujuk kepada wahyu rabbani

- Sumber asas kehakiman Islam ialah wahyu Allah SWT iaitu tindakan hakim berpandukan al-Quran dan al-Hadis.

2. Menegakkan keadilan dan menentang kezaliman.

- Kehakiman Islam bersifat adil tanpa mengira kedudukan atau pangkat seseorang bagi mengelakkan kezaliman.

3. Menyeru kebaikan serta mencegah kemungkaran

- Pelaksanaan hukuman yang bersifat pencegahan, pembalasan dan pemulihan terhadap perbuatan jenayah.

4. Mengamalkan adab dan akhlak Islam

- Menjunjung dan memelihara nilai mulia supaya tidak dicemari sifat mazmumah seperti menzalimi orang lain.

2.2.2 Matlamat Sistem Kehakiman Islam:

1. Menegakkan keadilan

- Keadilan dalam Islam bersifat sejagat tanpa mengira darjat, pangkat, keturunan dan agama. Sesiapa terbukti bersalah perlu dihukum dengan adil.

2. Menentang kezaliman

- Islam menentang sebarang bentuk kezaliman yang boleh menggugat keamanan masyarakat.

Merompak	<ul style="list-style-type: none"> - Mengganggu ketenteraman awam: Dipenjara atau dibuang daerah. - Merampas harta tanpa membunuh: Tangan dan kaki dipotong secara bersilang. - Merampas harta dan membunuh: Dibunuh dan dipalang.
Murtad	<ul style="list-style-type: none"> - Dibunuh. Hukuman bunuh hanya diputuskan oleh pemerintah Muslim setelah pelaku enggan bertaubat apabila diminta.

2. Qisas

- Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan bagi menunaikan hak manusia yang dizalimi secara fizikal.
- Hukuman tidak boleh diubah atau dibatalkan setelah sabit kecuali pihak yang menuntut bela memaafkannya dan diganti dengan bayaran diat.

Hukumannya:

- Membunuh dengan sengaja- dibalas bunuh
- Mencederakan anggota badan-dibalas cedera sebagaimana kecederaan mangsa.

3. Takzir

- Kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya.

Kesalahan berikut:

- Kesalahan hudud dan qisas yang tidak cukup bukti untuk dikenakan hukuman hudud dan qisas.
- Kesalahan-kesalahan khalwat dan mencuri yang tidak cukup nisab
- Perbuatan mengganggu ketenteraman awam seperti menipu, rasuah, berjudi, kesalahan jalan raya, penyalahgunaan dadah dan sebagainya.
- Hukumannya:
 - Nasihat/teguran.

- Ancaman/pemuluan.
- Pengisytiharan umum.
- Denda /merampas harta(sita).
- Sebat.
- Buang daerah.
- Penjara.

4. Diat

Harta yang wajib diberikan kepada waris orang yang dibunuh sebagai ganti hukuman qisas yang tidak dapat dilaksanakan.

Jenis diat

1. Diat berat

Keterangan	Kadar diat
Membunuh dengan sengaja yang ada niat membunuh. Waris mangsa tidak mahu qisas dijalankan dan menukar dengan diat.	100 ekor unta ditanggung oleh pembunuh sepenuhnya dan mesti dibayar segera.
Membunuh dengan tidak sengaja tetapi seolah-olah sengaja. Contoh, seseorang memukul orang lain dengan rotan lalu mati.	100 ekor unta ditanggung oleh waris pembunuh dan boleh dibayar secara beransur-ansur selama tiga tahun.

2. Diat ringan

Keterangan	Kadar diat
Membunuh dengan tidak sengaja. Sebagai contoh seorang pemburu tertembak orang lain yang disangka seekor rusa.	<ul style="list-style-type: none"> - 100 ekor unta yang ditanggung oleh waris pembunuh dan boleh dibayar beransur-ansur selama tiga tahun. - Dibahagikan kepada lima jenis unta. <ul style="list-style-type: none"> • 20 ekor unta betina berumur setahun ke atas. • 20 ekor unta jantan berumur dua tahun ke atas • 20 ekor unta betina berumur dua tahun ke atas • 20 ekor unta betina berumur tiga tahun ke atas • 20 ekor unta betina berumur 4 tahun ke atas

*Pada zaman Sayidina Umar bin al-Khattab r.a pernah menetapkan bayaran diat bagi yang tidak mempunyai unta boleh dibayar dengan emas, perak,

lembu, kambing dan pakaian. Pada masa kini, kadar diat ditentukan mengikut nilai harga semasa seratus ekor unta. boleh dibayar dengan emas, perak, lembu, kambing dan pakaian. Pada masa kini kadar diat ditentukan mengikut nilai harga semasa 100 ekor unta.

Prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan.

1. Pengakuan.

- Pengakuan yang jelas daripada Orang yang telah melakukan kesalahan.
- Dibuat secara waras dan bebas tanpa paksaan daripada mana- mana pihak.

2. Kesaksian.

- Saksi mesti baligh, sempurna akal, adil, amanah dan bebas daripada sebarang keraguan.
- Saksi tidak bermusuh dengan orang yang didakwa.
- Bilangan saksi sekurang-kurangnya 2 orang lelaki atau 1 orang lelaki dan 2 orang perempuan yang adil bagi sesetengah kes. Bagi kes perzinaan, saksinya ialah 4 orang lelaki.

3. Pembuktian.

- Kesalahan boleh disabitkan apabila dapat dibuktikan melalui bahan atau alat tertentu berkaitan kes seperti ujian asid deoksiribonukleik (DNA), senjata, kesan jari dan sebagainya.

Etika Hakim

1. Hakim dilarang menyebelahi mana-mana pihak sama ada pendakwa atau tertuduh supaya wujud keadilan.
2. Hakim hendaklah jujur ketika bertugas seperti tidak menerima rasuah.
3. Hakim dilarang untuk mensabitkan kesalahan terhadap tertuduh jika ada keraguan bukti dan hujah supaya tidak berlaku penganiayaan.
4. Hakim dilarang menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya seperti kaum keluarga, rakan dan sebagainya.

Peranan Hakim

1. Menjatuhkan hukuman secara adil dan saksama setimpal dengan kesalahan tanpa mengira pangkat, kedudukan dan hubungan kekeluargaan, orang kaya atau pemimpin supaya kewibawaan hakim dipandang tinggi.
2. Menjatuhkan hukuman dalam keadaan tenang bukannya dalam keadaan marah supaya tidak tersalah dalam membuat keputusan.
3. Menjatuhkan hukuman tanpa ragu-ragu kepada pesalah setelah cukup bukti dan saksi supaya jenayah dapat dibendung.
4. Membebaskan tertuduh jika didapati terdapat keraguan dari segi bukti dan hujah supaya tidak berlaku penganiayaan terhadap tertuduh.

PELAJARAN 4
SISTEM KEHAKIMAN ISLAM
BAHAGIAN A

Soalan 1 hingga soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul .

1. Salah satu prinsip Kehakiman Islam ialah menegakkan _____ dan menentang kezaliman.
2. Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan bagi menunaikan hak manusia yang dizalimi secara fizikal dikenali sebagai hukum _____.
3. Berdasarkan jenayah hudud hukum bagi kesalahan _____ adalah sebat 40 kali.
4. Seseorang yang melakukan perbuatan rasuah dikategorikan telah melakukan kesalahan jenayah _____ dan boleh di hukum penjara.


Soalan 5 hingga soalan 8

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.

- | | |
|--|--|
| 5. Dari sudut bahasa menghukum, menyelesaikan ,menetapkan memutuskan dan mencegah . | |
| 6. Menuduh seseorang yang baik melakukan zina tanpa membawa empat orang saksi. | |
| 7. Usaha untuk mendapatkan sesuatu kesimpulan baharu melalui kajian atau penyelidikan berdasarkan sumber dari kaedah yang sah. | |
| 8. Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah swt. | |

Soalan 9 hingga soalan 10

Lengkapkan rajah berikut berkaitan dengan prosuder keterangan untuk mensabitkan kesalahan.



1. P ialah _____

10.Q ialah _____

Soalan 11 – 12

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul

Jawapan	Pernyataan
R	Kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya.
S	Harta yang wajib diberikan kepada waris orang yang dibunuh sebagai ganti hukuman qisas yang tidak dapat dilaksanakan.

11.R ialah _____.

12.S ialah _____.

Soalan 13 hingga 15

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

13.Hakim hendaklah seorang yang berilmu dan bijaksana.

14.Bilangan saksi sekurang – kurangnya tiga orang lelaki dan seorang perempuan yang adil ,bagi sesetengah kes dan bagi kes perzinaan saksinya adalah tiga orang lelaki.

15.Menjadikan Al – Quran dan al – Ijmak sebagai sumber rujukan utama dalam mengendalikan kes supaya tindakan yang diambil tidak menyalahi syarak.

BAHAGIAN B

1. (a) Sistem Kehakiman Islam dapat menyelesaikan masalah sosial dalam masyarakat.

i. Nyatakan maksud Kehakiman Islam menurut syarak [2 markah]

ii. Jelaskan **dua** matlamat Sistem Kehakiman Islam. [4 markah]

iii. Senaraikan **empat** syarat perlantikan hakim. [4 markah]

(b)i. Terangkan **dua** kepentingan melaksanakan Sistem Kehakiman Islam. [4 markah]

SELAYANG:Hakim Mahkamah rayuan di sini hari ini mengingatkan hakim-hakim lain supaya tidak lupa diri dan terbawa-bawa dengan emosi serta perasaan marah terhadap tertuduh ketika menjatuhkan hukuman.

Hakim Datuk Suriyani Hashim menegaskan sistem penghukuman di mahkamah perlulah dibuat mengikut undang-undang yang ditetapkan secara adil dan saksama.

(Sumber: Akbar Harian 8 Nov 2010)

ii. Berdasarkan pernyataan di atas,nyatakan **dua** etika yang patut ada pada seorang hakim. [2 markah]

ii. Berikan pandangan anda,mengapakah hakim mesti mematuhi etika dan mengikut undang-undang ketika menjatuhkan hukuman? [4markah]

TEMA 3: SISTEM PENTADBIRAN DAN PEMERINTAHAN ISLAM

PELAJARAN 5: Sistem Pentadbiran dan Pengurusan Islam.

3.1.1 Konsep Asas Sistem

Pentadbiran dan Pengurusan Islam:

Pentadbiran ialah menyelaraskan tenaga manusia agar mengikut satu perancangan untuk mencapai sesuatu objektif yang ditetapkan.

Pengurusan ialah mengguna serta menyelenggara sumber manusia dan sumber alam untuk kebajikan manusia.

Pentadbiran dan pengurusan Islam ialah perancangan dan pergerakan oleh sesuatu organisasi berhubung dengan kaedah, peraturan, tanggungjawab dan tugas dalam pengolahan sumber manusia dan sumber alam. Ia mesti selari dengan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi.

Pentadbiran dan Pengurusan Zaman Rasulullah SAW:

1. Islam dijadikan dasar pentadbiran dan pengurusan negara.
2. Syura dijadikan salah satu kaedah yang digunakan dalam menguruskan pentadbiran.
3. Piagam Madinah dijadikan sebagai perlembagaan pentadbiran dan pengurusan zaman Rasulullah SAW.
4. Akidah Islamiah dijadikan pegangan dalam urusan pentadbiran menggantikan semangat 'asabiyyah (perasaan taasubperkauman).

Pentadbiran dan Pengurusan Zaman Khulafa'ar- Rasyidin:

Merupakan sistem yang dikemas kini daripada sistem pentadbiran dan pengurusan zaman Rasulullah SAW.

- Sesuatu dasar diputus melalui kaedah syura (berdasarkan suara ilmu, pakar bidang tertentu dan suaramajoriti).
- Khalifah berperanan sebagai ketua eksekutif dan perundangan serta panglima tertinggi dalam

pentadbiran.

- Pentadbiran wilayah diketuai oleh gabenor dan dibantu oleh setiausaha dan pegawai seperti setiausaha tentera, pegawai polis (Sahib al- Syurtah), pegawai cukai (Sahib al-Kharaj),
 - Institusi baitulmal didirikan pada peringkat pusat dan wilayah (mengendalikan urusan kewangan negara).
1. Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis.

3.1.2 Prinsip-prinsip Tadbir Urus dalam Islam

2. Bermatlamatkan dunia dan akhirat.
3. Pentadbir sebagai pemegang amanah.
4. Berasaskan keimanan kepada Allah SWT.
5. Berteraskan nilai-nilai akhlak.
6. Urusan pentadbiran dijalankan berdasarkan konsep syura.
7. Mengamalkan konsep keadilan dalam pentadbiran.

Ciri-ciri Pentadbiran dan Pengurusan Islam

1. Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis.
2. Mengamalkan konsep syura dalam pentadbiran.
3. Melaksanakan keadilan untuk semua pihak.
4. Memastikan hak kebebasan kepada setiap individu agar terpelihara mengikut panduan syarak.
5. Mengeratkan ukhuwah (persaudaraan) dalam pengurusan yang berteraskan nilai akhlak.
6. Mematuhi dan menghormati peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan dalam sesebuah organisasi.

Etika Tadbir Urus Islam

Panduan Islam bagi individu yang diberikan amanah untuk mentadbir dan mengurus sesebuah organisasi.

Integriti (Telus)

- Menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan tidak guna kedudukan untuk kepentingan sendiri.

Efektif (Hasil tercapai)

- Efisien (cekap) dan konsisten (tekal) dalam menghasilkan impak (kesan) yang cemerlang.

Amar makruf dan nahi mungkar

- Membudayakan nilai murni dalam tadbir urus.

Sistematik

- Membuat perancangan dan pemantauan yang berterusan.

Ciri-ciri Pentadbir dan Pengurus yang baik:

1. **Beriman** (laksana pentadbiran dengan penuh ketaqwaan dan tanggungjawab).
2. **Amanah** (laksana tanggungjawab dengan sebaik mungkin).
3. **Berwawasan** (mempunyai perancangan untuk majukan organisasi).
4. **Ikhlas** (melakukan pekerjaan dengan tulus dan sepuh hati).
5. **Positif** (berfikiran terbuka terhadap perubahan, cadangan, teguran dan nasihat ke arah kebaikan).
6. **Inovatif** (menjana idea baharu ke arah kemajuan).
7. **Dinamik** (berupaya menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi untuk melaksanakan pembaharuan).
8. **Integriti** (bersikap telus dalam pentadbiran)

3.1.3 Kepentingan Melaksanakan Tadbir Urus dalam Sistem Pentadbiran dan Pengurusan Islam:

Individu

- Menimbulkan nilai keimanan dan ketaqwaan.
- Menjaga hubungan baik antara ketua dan ahli- ahlinya.
- Menjalankan urusan dengan penuh amanah dan tanggungjawab.

Organisasi

- Memastikan kelancaran urusan pentadbiran sesebuah organisasi.
- Menaikkan imej sesebuah organisasi.
- Menyelesaikan sesuatu urusan secara rundingan dan muafakat.

Negara

- Mewujudkan pentadbiran negara yang efisien dan efektif serta menjadi contoh kepada negara lain.
- Membolehkan segala urusan dilaksanakan secara teratur dan menepati syarak.
- Meneladani tadbir urus negara seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW.

Kesan Mentadbir dan Mengurus mengikut Syariat:

- Melaksanakan tanggungjawab dengan amanah.
- Mendapat ketaatan daripada orang bawahan.
- Mewujudkan persefahaman antara ketua dengan anak buah.
- Memajukan organisasi dan negara.

Kesan Mentadbir dan Mengurus tidak mengikut Syariat:

- Mengabaikan amanah yang diberikan.
- Hilang sokongan daripada orang bawahan.
- Berlaku pertelingkahan.
- Menyebabkan kemunduran organisasi dan negara.

3.1.4 Tindakan Merealisasikan Tadbir Urus Islam dalam Organisasi:

- Mengadakan mesyuarat dalam segala urusan.
- Menjaga kebajikan setiap pekerja.
- Memberi kerjasama dalam menyelesaikan tugas.
- Memberi penghargaan kepada staf cemerlang

**PELAJARAN 5:
SISTEM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN ISLAM**

BAHAGIAN A

Soalan 1 hingga soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan yang disediakan.

1. Pengurusan bersifat lebih _____ berbanding pentadbiran

2. _____ berperanan sebagai ketua eksekutif dan perundangan serta merupakan panglima tertinggi dalam pentadbiran

3. Prinsip tadbir urus Islam bersumberkan al – Quran dan _____.

4. _____ dijadikan sebagai perlembagaan pentadbiran dan pengurusan pada zaman Rasulullah SAW.


Soalan 5 hingga 8

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.

- | | |
|---|--|
| 5 Mesyuarat yang dijalankan bagi melakukan pertimbangan secara kolektif dan membuat keputusan yang paling berkualiti berdasarkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. | |
| 6 Perasaan taa'sub perkauman. | |
| 7 Menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan tidak menggunakan kedudukan untuk kepentingan sendiri. | |
| 8 Menyelaraskan tenaga manusia agar mengikut satu perancangan untuk mencapai sesuatu objektif yang ditetapkan. | |

Soalan 9 hingga soalan 11

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul.



9.R ialah _____.

10.S ialah _____.

Soalan 11 hingga 12

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

Ciri – ciri pentadbir dan pengurus yang baik.	Beriman
	T
	Berwawasan
	U

11.T ialah _____.

12.U ialah _____.

Soalan 13 hingga 15

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

13.Prinsip tadbir urus Islam bermatlamatkan dunia sahaja

14.Antara ciri- ciri pentadbir dan pengurus yang baik ialah bersikap telus dan melaksanakan tadbir urus sesebuah masyarakat dan negara.

15.Majlis Syura mula ditubuhkan secara rasmi dan berfungsi secara formal pada zaman pemerintahan Saidina Uthman bin Affan .

BAHAGIAN B

1) (a) i. Nyatakan maksud Pentadbiran Pengurusan Islam. [2 markah]

ii. Senaraikan **dua** Prinsip Tadbir Urus dalam Islam. [2 markah]

iii. Jelaskan **dua** Etika Tadbir Urus Islam. [2 markah]

(b) i. Terangkan **dua** kepentingan melaksanakan tadbir urus dalam sistem pentadbiran dan pengurusan kepada individu. [4 markah]

ii. Huraikan dua cara untuk merealisasikan Tadbir Urus Islam dalam organisasi. [4 markah]

“Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya serta (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu sedangkan kamu mengetahui (salahnya). (Surah al-Anfal 8:27)

(c) i. Berdasarkan firman Allah SWT di atas, huraikan dua ciri pentadbir dan pengurus yang baik. [2 markah]

ii. Berikan pandangan anda, apakah yang akan terjadi jika manusia mengabaikan larangan dalam ayat di atas. [4 markah]

PELAJARAN 6: SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM

3.2.1 Konsep Asas Sistem Pemerintahan Islam

Sistem pemerintahan Islam merupakan satu kaedah pemerintahan sebuah negara yang ditadbir berdasarkan ajaran Islam serta melaksanakan syariat Islam.

Ciri-ciri Sistem Pemerintahan Islam

1. Meletakkan Allah SWT sebagai pemegang kuasa mutlak manakala manusia sebagai khalifah (pemegang amanah) untuk memakmur mukabumi.
2. Mengamalkan syura dalam pemerintahan berdasarkan al-Quran dan al-Hadis.
3. Segala perkara yang diputuskan dan dilaksanakan bersesuaian dengan kehendak rakyat serta syariat Islam.
4. Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar.
5. Rakyat terdiri daripada golongan yang meyakini prinsip dan dasar negara Islam serta mematuhi undang-undang.
6. Bebas daripada ikatan keturunan, warna kulit, kawasan geografi dan sebagainya.
7. Negara Islam mengutamakan penghayatan akhlak yang mulia dalam semua aspek kehidupan.

Sistem Pemerintahan Islam di Madinah

- Negara Islam pertama yang dibentuk.
- Mengamalkan konsep syura dalam pemerintahan dan terbentuknya Piagam Madinah.

Piagam Madinah

- Satu perjanjian dengan seluruh penduduk Madinah yang dikenali sebagai Sahifah Madinah (Piagam Madinah). Merupakan piagam bertulis pertama di dunia.
- Mengandungi 47 fasal, 23 fasal berkaitan peranan sesama Islam (Muhajirin dan Ansar) dan 24 fasal berkenaan hubungan antara umat Islam dengan bukan Islam (Yahudi).

Aspek Piagam Madinah ialah Kepimpinan Negara

Rasulullah SAW adalah pemerintah dan ketua negara. Baginda sentiasa dirujuk dalam menyelesaikan masalah.

Perpaduan

- Menyatukan dan mendamaikan suku kaum di Madinah yang sering bertelagah sebelum ini.

Pengiktirafan Kepelbagaian Kaum

- Setiap kaum diberi hak masing-masing dari segi ekonomi, politik dan sosial.

Keselamatan

- Setiap kaum bertanggungjawab menjaga keamanan negara dan keharmonian hubungan antara kaum.

Jaminan Sosial

- Kebajikan dan keselamatan penduduk terjamin.

Kebebasan Mengamalkan Agama

- Masyarakat Madinah diberi kebebasan untuk mengamalkan agama masing-masing dengan penuh toleransi.

Penguatkuasaan Undang-undang

- Undang-undang Islam diguna pakai dalam sistem pentadbiran dengan Rasulullah SAW sebagai hakim tertinggi.

Hak asasi manusia

- Setiap kaum di Madinah diberikan hak terhadap diri, harta dan mendapatkan perlindungan.

Tanggungjawab

- Setiap individu bertanggungjawab laksana tuntutan yang termaktub dalam Piagam Madinah demi merealisasikan keamanan dan keharmonian negara.

Hubungan Luar

- Hubungan luar dijalin dengan kebenaran

3.2.2 Konsep Asas Khilafah dalam Sistem Pemerintahan Islam

dan persetujuan Rasulullah SAW sebagai ketua negara.

Khilafah

- Khilafah bermaksud sistem pemerintahan Islam yang dinaungi oleh seorang pemimpin Islam yang adil, taat dan patuh kepada syariat Allah SWT.

kepada yang berhak.

Khalifah

- Khalifah bermaksud individu yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk mengurus dan mentadbir dunia mengikut syariat Allah SWT.

Rakyat

- Rakyat bermaksud seluruh penduduk dalam sesebuah negara yang berkewajipan mentaati khalifah selagi tidak bercanggah dengan syariat.

Ciri-ciri Khalifah

- Melaksanakan undang-undang Allah SWT.
- Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar
- Menegakkan keadilan
- Mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat.

Syarat Menjadi Khalifah

- Seorang Muslim yang Mukmin.
- Lelaki.
- Berilmu dan memahami masalah negara.
- Adil dan saksama.
- Berkemampuan dari segi mental dan fizikal.
- Berpengaruh dan daripada keturunan yang baik.
- Berakhlak mulia dan berani

Ciri-ciri Khalifah

- Fizikal yang sihat dan sempurna.
- Pengetahuan yang luas.
- Mempunyai keyakinan diri.
- Mengetahui matlamat organisasi.
- Memiliki semangat yang kuat.
- Cekap membuat keputusan.
- Bersifat rasional.
- Bersikap adil.
- Menguasai teknik-teknik berkomunikasi.
- Mampu bertindak sebagai penasihat.

Tanggungjawab Khalifah

- Melaksanakan hukum syariat tanpa mengira masa dan tempat.
- Memelihara kesucian agama Islam.
- Menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran.
- Memelihara kedaulatan negara daripada dijajah.
- Mengagihkan harta negara

- Melantik orang yang cekap dan amanah untuk membantu mentadbir negara.
- Menjaga kebajikan rakyat.

Tanggungjawab Rakyat

- Memberikan taat setia kepada khalifah.
- Membantu membanteras kemungkaran.
- Bekerjasama dalam mempertahankan keselamatan negara.
- Berusaha untuk mendalami ilmu pengetahuan.
- Menghormati kebebasan beragama.
- Menasihati khalifah ke arah kebaikan.
- Menjaga keamanan hidup bermasyarakat.

Hak Khalifah

- Mendapatkan ketaatan dan kesetiaan daripada orang di bawah kepimpinannya selagi tidak bercanggah syariat.

Hak rakyat

1. Hak memilih khalifah.
2. Hak mendapat pendidikan.
3. Hak mendapat perlindungan dan jaminan keselamatan.
4. Hak mencari harta dan membelanjakannya.
5. Hak kebebasan bersuara dan memberi pendapat

Pengertian Negara Islam

- Negara yang mengarahkan segala urusan pemerintahan dan pentadbiran tunduk kepada hukum Islam bersumberkan al-Quran dan al-Hadis serta ijtihad yang sebenar.

Prinsip-prinsip Negara Islam

1. **Musyawah (al-Syura)**
Mesyuarat dijalankan bagi melakukan pertimbangan secara kolektif serta keputusan yang berkualiti.
2. **Keadilan (al-Adalah)**
Membuat keputusan secara saksama.

3. Kebebasan (al-Hurriyyah)

Khalifah perlu melindungi hak dan kebebasan individu selagi tidak bercanggah syariat.

4. Persamaan (al-Musawah)

Setiap individu dilayan dan dihormati tanpa mengira pangkat atau kedudukan.

3.2.3 Elemen-elemen dan Fungsi Pembentukan Negara Islam

Elemen Pembentukan Negara Islam

1. Majlis Syura
2. Khalifah (Ketua negara)
3. Wilayah
4. Rakyat
5. Undang-undang
6. Badan kehakiman
7. Pentadbiran dan penguatkuasaan

Matlamat Negara Islam

1. Menegakkan perundangan dan hukum Allah SWT.
2. Merealisasikan keadilan supaya tiadayang teraniaya.
3. Memastikan kebajikan rakyat sentiasa terjamin.
4. Mencapai kemakmuran demi kesejahteraan rakyat.

Ciri-ciri Negara Islam

1. Berdasarkan al-Quran dan al-Hadis.
2. Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar.
3. Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan.
4. Majlis Syura sebagai asas pemerintahan.
5. Ketua negara yang adil dan beriman.
6. Jaminan kebebasan hak asasi.

Perbezaan antara Negara Islam dengan Negara Bukan Islam

Negara Islam	Negara bukan Islam
Merangkumi seluruh dunia dan batas sempadan selagi ada penduduk yang mengucap dua kalimah syahadah.	Memisahkan sesebuah negara berdasarkan faktor geografi dan mementingkan taraf kewarganegaraan.
Meletakkan Allah SWT sebagai ketua tertinggi negara.	Meletakkan pendapat majoriti rakyat sebagai asas pemerintahan.
Menjadikan iman dan taqwa sebagai ciri utama daripada ketua negara hingga rakyat biasa.	Mengabaikan syarat keimanan dan ketaqwaan dalam memilih pemimpin.
Menjadikan undang-undang Allah SWT sebagai undang-undang negara.	Menjadikan undang-undang ciptaan manusia sebagai undang-undang negara.

3.2.4 Kepentingan Melaksanakan Tuntutan dan Tanggungjawab Khalifah.

1. Mendapat keredaan Allah SWT.
2. Mengukuhkan perpaduan dalam masyarakat.
3. Menjamin keamanan negara.
4. Memastikan pelaksanaan keadilan kepada semua pihak.

Kesan Pengabaian Tanggungjawab Khalifah

- Mendapat kemurkaan Allah SWT dan kesucian agama Islam terancam.
- Berlaku penyelewengan dalam pentadbiran negara dan masyarakat.
- Terdedah kepada ancaman musuh.
- Pengagihan harta negara secara zalim.
- Gagal melantik orang yang cekap dan amanah untuk membantu mentadbir negara.

Kesan Pengabaian Tanggungjawab Rakyat

- Hilang rasa taat setia terhadap khalifah.
- Keselamatan negara terancam.
- Mencetuskan perbalahan dalam kalangan masyarakat.
- Membiarkan kepincangan berlaku dalam pemerintahan.
- Berlaku kemungkaran secara berleluasa.

3.2.5 Pelaksanaan Sistem Pemerintahan Islam

- Meninggikan syariat dan syiar Islam.
- Mematuhi peraturan dan undang-undang negara seperti yang termaktub dalam perlembagaan.
- Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran agar dapat menyumbang kepada negara.
- Mentaati arahan pemerintah bagi perkara yang tidak menyalahi syariat.
- Mengamalkan sikap hormat-menghormati terhadap satu sama lain tanpa mengira bangsa dan agama.
- Menyelesaikan sesuatu urusan secara rundingan dan muafakat seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW

**PELAJARAN 6:
SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM
BAHAGIAN A**

Soalan 1 hingga soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

1. _____ ialah Negara yang mengarahkan segala urusan pemerintahan dan pentadbiran tunduk kepada hukum Islam bersumberkan Al-Quran dan Al-Hadis.
2. _____ ialah membuat keputusan secara saksama.
3. _____ ialah sistem pemerintahan Islam yang dinaungi oleh seorang pemimpin Islam yang adil, taat dan patuh pada perintah Allah SWT.
4. Seluruh _____ dalam sesebuah Negara berkewajipan untuk mentaati khalifah selagi tidak bercanggah dalam syariat Islam.


Soalan 5 hingga soalan 8

Tulis istilah yang betul dengan pernyataan berikut dalam ruangan kosong yang disediakan.

5. Mesyuarat dijalankan bagi melakukan pertimbangan secara kolektif _____ serta keputusan yang berkualiti.
6. Khalifah perlu melindungi hak dan kebebasan individu selagi tidak bercanggah dengan syariat. _____
7. Suatu tindakan atau keputusan diambil menyebelahi pihak yang benar. _____
8. Setiap individu dilayan dan dihormati tanpa mengira pangkat atau kedudukan. _____

Soalan 9 hingga soalan 10

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul



9.R _____

10.S _____

Soalan 11 hingga 12

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

Ciri – ciri Negara Islam	Berdasarkan al-Quran dan al-Hadis
	T
	Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan
	U

11.T _____

12.U _____

Soalan 13 hingga 16

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

- 13 Piagam Madinah diasaskan oleh Nabi Muhammad saw pada tahun 622M
- 14 Khalifah mesti melaksanakan undang-undang yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadis dalam urusan tertentu pemerintahan.
- 15 Negara Islam ialah negara yang mengarahkan segala urusan pemerintahan dan pentadbirannya tunduk kepada hukum Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadis serta ijihad yang sebenarnya.
- 16 Pemerintahan Khilafah tidak bertanggungjawab untuk menyemai semangat perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum

BAHAGIAN B

1. (a) i. Jelaskan maksud sistem pemerintahan Islam [2 markah]
-
-
- ii Jelaskan dua ciri yang terdapat dalam pemerintahan Islam. [4 markah]
-
-
-
-
-
- iii Senaraikan dua aspek yang terdapat dalam Piagam Madinah . [2 markah]
-
-
-
-
-
- (b) i. Nyatakan pengertian khilafah dalam sistem pemerintahan Islam. [2markah]
-
-
- ii Nyatakan dua hak rakyat dalam sesebuah Negara. [2 markah]
-
-
-
-
- iii Berikan pandangan anda, apakah yang akan berlaku sekiranya rakyat mengabaikan tanggungjawab terhadap negara. [4 markah]
-
-
-
-
-
-

c. i. Nyatakan pengertian Negara Islam. [2 markah]

ii. Senaraikan dua prinsip Negara Islam. [2 markah]

iii. Jelaskan matlamat Negara Islam. [2 markah]

SENARAI PANEL MODUL TASAWWUR ISLAM 2022

Ustazah Ismani binti Ismail
SMK Tunku Temenggung

Ustazah Rashida binti Samsu
SMK Kubur Panjang

Ustazah Hamizah binti Hashim
SMK Tokai

Ustazah Zahayanty binti Mat Bidi
SMK Sungai Tiang

Ustazah Nadrotulnaim binti Abdul Jalil
SMK Pendang

Ustazah Adibah binti Mt Jusoh
SMK Tanah Merah

Ustazah Zuraida binti Zainol
SMK Syed Ibrahim

Ustazah Haniza binti Lutpi
SMK Tobiar